

MADKHAL PEMBANGUNAN KANDUNGAN

NAMA KURSUS / TOPIK:

Usul Fiqh (Bahagian Pertama)

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) Kursus ini bertujuan memberi pemahaman yang mendalam tentang metodologi hukum Islam yang merupakan subjek paling asas dalam pengajian hukum termasuklah pemahaman terhadap prinsip-prinsip dasar, konsep-konsep, dan pendekatan yang digunakan dalam mengambil hukum dari sumber-sumber Islam.
- b) Para peserta juga akan dapat mengenal pasti teori hukum Islam serta pembahagiannya. Ia merangkumi jenis-jenis hukum taklifi dan hukum wad'i serta perbezaannya.

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

Bahagian A: Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi Kandungan Utama	2 - 6
Bahagian B: Material Modul bagi Sesi 1-5	7 - 58

BAHAGIAN A

SESI PERTAMA: PENGENALAN DAN PERKEMBANGAN ILMU USUL FIQH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pemahaman tentang skop pembelajaran ilmu Usul Fiqh:** Peserta akan memahami definisi Ilmu Usul Fiqh dan skop pembelajarannya yang meliputi kaedah-kaedah dan metodologi yang digunakan untuk mengeluarkan hukum-hukum syarak daripada sumber-sumbernya.
- b) **Pemahaman perbezaan antara Usul Fiqh dengan ilmu-ilmu lain:** Peserta memahami perbezaan antara Ilmu Usul Fiqh dengan ilmu-ilmu lain yang berkaitan, seperti Fiqh (hukum-hukum Syarak), Qawaid Fiqh (kaedah Fiqh), dan Maqasid Syariah (objektif Syariah).
- c) **Memahami sejarah perkembangan ilmu Usul Fiqh:** Peserta dapat memahami secara ringkas tentang sejarah perkembangan ilmu Usul Fiqh dari Zaman Awal Islam sehingga Zaman Selepas Penyusunan.

2. MASA KURSUS: 15 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Definisi dan skop pembelajaran ilmu Usul Fiqh	- Definisi Ilmu Usul Fiqh - Skop Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh	5 minit
Perbezaan antara Usul Fiqh dengan ilmu-ilmu lain.	- Perbezaan Usul Fiqh dan Fiqh - Perbezaan Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh - Perbezaan Usul Fiqh dan Maqasid Syariah	5 minit
Sejarah Perkembangan Ilmu Usul Fiqh.	- Perkembangan Usul Fiqh pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabi'in - Perkembangan Usul Fiqh semasa Zaman Penyusunan - Perkembangan Usul Fiqh selepas Zaman Penyusunan	5 minit

SESI KEDUA: TEORI HUKUM ISLAM DAN PEMBAHAGIANNYA

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Memahami definisi dan konsep Hukum Islam berdasarkan Bahasa, Istilah, Ulama' Fiqh dan Ulama' Usul Fiqh.
- b) Menerangkan tentang pembahagian Hukum Islam; Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i
- c) Menentukan perbezaan antara Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i
- d) Pandangan Ulama mengenai bentuk pembahagian Hukum Taklifi dan justifikasi terhadap perbezaan tersebut.

2. MASA KURSUS: 35 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Definisi dan Konsep Hukum Islam berdasarkan Bahasa, Istilah, Ulama' Fiqh dan Ulama' Usul Fiqh	- Definisi hukum Islam daripada bahasa dan Istilah serta konsepnya - Definisi Hukum menurut Ulama' Fiqh dan Usul Fiqh	5 minit
Pembahagian Hukum Islam; Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i	- Maksud Taklifi serta Pembahagiannya - Maksud Wad'i serta Pembahagiannya	10 minit
Perbezaan antara Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i	Menerangkan perbezaan di antara Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i	10 minit
Pandangan Ulama mengenai bentuk pembahagian Hukum Taklifi dan justifikasi terhadap perbezaan tersebut	- Pandangan Ulama' Jumhur dan Hanafiyyah tentang Pembahagian Hukum Taklifi. - Justifikasi kepada Perbezaan Pandangan Ulama' dalam Pembahagian Hukum Taklifi	10 minit

SESI KETIGA: HUKUM TAKLIFI DAN PEMBAHAGIANNYA

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Para peserta dapat memahami pembahagian Hukum Taklifi serta konsep dan pembahagian bagi setiap hukum tersebut.
- b) Peserta dapat menjelaskan tentang perbezaan bagi setiap Hukum Taklifi beserta contoh situasi yang berkaitan.

2. MASA KURSUS: 36 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Konsep dan Pembahagian Hukum Wajib	- Konsep dan Pembahagian Hukum Wajib - Pembahagian Hukum Wajib seperti Mutlaq, Muqayyad, Muhaddad, Ghayr Muhaddad, Mu'ayyan, Ghayr Mu'ayyan, 'Aini dan Kifa'i	10 minit
Konsep dan Pembahagian Hukum Sunat	- Konsep dan Pembahagian Hukum Sunat - Pembahagian Hukum Sunat seperti Mu'akkadah, Ghayr Mu'akkadah, dan Zawa'id	7 minit
Konsep dan Pembahagian Hukum Haram	- Konsep dan Pembahagian Hukum Haram - Pembahagian Hukum Haram seperti Lizatih dan Lighayrih	7 minit
Konsep dan Pembahagian Hukum Makruh	- Konsep dan Pembahagian Hukum Makruh - Pembahagian Hukum Makruh seperti Tahrim dan Tanzih	7 minit
Konsep Hukum Harus	Konsep dan Pembahagian Hukum Harus	5 minit

SESI KEEMPAT: HUKUM TAKLIFI DAN PEMBAHAGIANNYA

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Para peserta dapat memahami pembahagian Hukum Wad'i serta konsep dan pembahagian bagi setiap hukum tersebut.
- b) Peserta dapat menjelaskan tentang konsep hukum Wad'i tambahan beserta permbahagian bagi setiap konsep hukum tersebut.

2. MASA KURSUS: 42 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Hukum Wad'i dan Pembahagiannya	• Pengenalan Hukum Wad'i serta Pembahagiannya	3 minit
Sebab dan Pembahagiannya	• Sebab yang Boleh dikawal oleh Mukallaf • Sebab yang Tidak Boleh dikawal oleh Mukallaf • Sebab yang Memberi Kesan kepada Hukum Taklifi • Sebab yang Memberi Kesan kepada Hukum Wad'i	8 minit
Syarat dan Pembahagiannya	• Pengertian Syarat (Bahasa dan Istilah) • Pembahagian Syarat; Syarat kepada Sesuatu Hukum, Syarat kepada Sesuatu Sebab, Syarat Syar'i dan Syarat Ja'li.	8 minit
Mani' dan Pembahagiannya	• Pengertian Mani' serta Pembahagiannya • Mani' kepada Hukum • Mani' kepada Sebab	8 minit
Hukum Wad'i Tambahan	• Konsep Sah, Fasad dan Batal • Konsep Azimah dan Rukhsah • Konsep al-Hakim • Konsep al-Mahkum Fih	15 minit

SESI KELIMA: AL-MAHKUM 'ALAIH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Para peserta dapat menerangkan konsep dan syarat al-Mahkum 'Alaih
- b) Peserta dapat memahami cabang dan jenis Al-Ahliyyah beserta konsep pelaksanaan 'Awarid al-Ahliyyah

2. MASA KURSUS: 40 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Konsep dan syarat al-Mahkum 'Alaih	Pengenalan Al-Mahkum 'Alaih beserta Konsep dan Syarat al-Mahkum 'Alaih	5 minit
Cabang dan jenis Al-Ahliyyah	- Ahliyyah al-Wujub - Ahliyyah al-Ada'	15 minit
'Awarid al-Ahliyyah	'Awarid Samawiyyah 'Awarid Muktasabah - Kesan Halangan ('Awarid) terhadap Ahliyyah dalam Hukum Syara'	20 minit

BAHAGIAN B

SESI PERTAMA: PENGENALAN DAN PERKEMBANGAN ILMU USUL FIQH

Pendahuluan

Ilmu Usul Fiqh telah lama berkembang dalam dunia kesarjanaan Islam. Teori pembangunan Usul Fiqh telah bermula sejak kewafatan baginda Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Ini kerana, semasa hayat baginda, tidak memerlukan kepada ilmu Usul Fiqh kerana memadai Rasulullah sebagai pemutus dalam segala permasalahan yang berlaku semasa itu. Namun, setelah kewafatan Rasulullah, sahabat-sahabat perlu berijtihad dalam mengeluarkan hukum mengikut garis panduan yang telah diajar oleh Rasulullah semasa hayat baginda.

Didikan dan tunjuk ajar Rasulullah terhadap sahabat-sahabat untuk berijtihad dapat kita perhatikan melalui sebuah hadis tentang dialog Rasulullah dengan Muadz bin Jabal r.a: "Dari Muadz ibn Jabal r.a., bahawa Nabi SAW ketika mengutusnya ke Yaman, Nabi bertanya: "Bagaimana kamu jika dihadapkan permasalahan hukum?" Dia berkata: "Saya berhukum dengan kitab Allah" Nabi berkata: "jika tidak terdapat dalam kitab Allah?" Dia berkata: "Saya berhukum dengan sunnah Rasulullah SAW". Nabi berkata: "jika tidak terdapat dalam sunnah Rasulullah SAW?" Dia berkata: "Saya akan berijtihad dan tidak berlebih (dalam ijtihad)". Maka Rasulullah SAW memukul ke dada Muadz dan berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah sepakat dengan utusannya (Muadz) dengan apa yang diredhai Rasulullah SAW." (*riwayat al-Thabrani*)

Melalui hadis tersebut, kita dapat memahami bahawa terdapat sahabat-sahabat yang diberikan mandat untuk berijtihad sewaktu hayat baginda lagi khususnya yang berada jauh daripada Nabi. Ini disebabkan ketinggian ilmu yang ada dan kesukaran untuk merujuk kepada baginda.

Justeru, selepas wafatnya nabi, para sahabat tidak memerlukan ilmu Usul Fiqh kerana jarak mereka yang hampir dengan zaman Rasulullah. Mereka juga memahami secara mendalam bahasa Arab serta mengetahui sebab nuzul Quran dan sebab wujud hadis. Pada zaman tabi'in, telah mula perluasan kuasa kerajaan Islam. Masyarakat Islam mula dihantar untuk menjadi gabenor atau amir di negeri-negeri yang telah dibuka dalam melancarkan lagi proses berijtihad dalam membuat keputusan.

Namun, para tabi'in biasanya tidak mempunyai masalah untuk berijtihad kerana jarak masa mereka dengan Rasulullah tidak terlalu jauh. Mereka juga berguru dan meriwayatkan hadis-hadis daripada para sahabat. Justeru, kefahaman mereka terhadap dalil-dalil yang terkandung dalam al-Quran atau hadis masih mendalam di samping kecekapan mereka dalam memahami bahasa Arab.

Keadaan itu berterusan sehingga zaman Tabi' Tabi'in. Pada zaman ini, berlakunya perluasan kuasa dengan lebih pesat lagi sehingga mereka yang dihantar ke negeri-negeri tersebut sukar untuk merujuk kepada ulama'-ulama' yang muktabar disebabkan mereka dipisahkan dengan jarak lokasi yang agak jauh.

Maka pada waktu itu mereka memerlukan kepada kaedah tertentu untuk memudahkan mereka mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang berlaku terutamanya yang tidak disebut

hukumnya dalam al-Quran dan hadis. Menyedari tentang hakikat itulah, maka Imam Syafie atau nama sebenarnya Abu Abdullah Muhammad ibn Idris ibn Abas ibn Usman ibn Syafi' in 'Ubaid ibn Abdu Yazid ibn Hashim ibn Mutalib ibn Abdu Manaf (meninggal 820M) telah mengambil inisiatif menyusun ilmu Usul Fiqh sebagai disiplin ilmu yang tersendiri. Dari usaha yang telah dibuat oleh beliau, maka terbitlah sebuah karya agung yang menjadi rujukan para ulama dalam berijtihad iaitu Al-Risalah.

Setelah itu, ilmu Usul Fiqh semakin berkembang dan menjadi satu kaedah yang membantu para ulama' dalam membuat ketetapan hukum bagi sesuatu masalah yang berlaku di kalangan mereka. Ini untuk memastikan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para ulama' sejajar dengan Maqasid Syariah iaitu untuk membuka masalah (kebaikan) kepada manusia dan untuk menutup segala ruang kemudaran (keburukan) daripada berlaku. Bermula dari detik itulah, maka masyarakat awam mula berjinak dengan ilmu Usul Fiqh. Ia bukan lagi menjadi sebuah ilmu yang eksklusif untuk golongan yang bergelar ulama' sahaja. Bahkan, ia dapat dihayati dan difahami oleh mereka yang mengkaji walaupun tidak mempunyai kelayakan untuk melakukan ijtihad.

Definisi Ilmu Usul Fiqh

Istilah Usul Fiqh mungkin asing bagi sebahagian daripada orang awam. Sebaliknya, ada di kalangan orang awam pernah mendengar istilah tersebut. Sebenarnya ilmu ini merupakan antara ilmu asas bagi disiplin pengajian hukum Islam. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu ini? Untuk penjelasan terperinci tentang maksud Usul Fiqh adalah seperti berikut:

Maksud Usul dari segi bahasa adalah asas atau al-dalil atau kaedah, dan maksud dari segi istilah adalah asas sebuah sesuatu. Manakala maksud Fiqh dari segi bahasa adalah mengetahui atau kefahaman, manakala maksud dari segi istilah adalah: ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amaliyah (praktikal) yang diambil dari dalil-dalil tafsili (terperinci).

Jika disebut ilmu Usul Fiqh, ia bermaksud ilmu yang membahaskan tentang kaedah dan asas yang digunakan oleh para mujtahid dalam mengeluarkan hukum syarak bagi perbuatan mukallaf daripada dalil-dalil fiqh yang bersifat ijmal (menyeluruh).

Tahukah anda apakah kaedah yang digunakan sehingga ditentukan wajib dan haram sesuatu Tindakan atau perbuatan atau seumpamanya? Ia sebenarnya ditentukan oleh kaedah-kaedah usul fiqh yang telah disusun oleh para ulama'.


Usul fiqh akan hanya melibatkan perbincangan tentang kaedah bagaimana sesuatu hukum itu ditentukan. Sebagai contoh ialah: bagaimana boleh ditentukan solat lima waktu itu wajib? Apa kaedah yang digunakan dalam penentuan hukum tersebut? Oleh itu, usul fiqh menjadi asas penentuan hukum, sementara hukum itu sendiri menjadi hasil kepada penggunaan kaedah usul fiqh.

Skop Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh

Sebagaimana dijelaskan definisi Ilmu Usul Fiqh iaitu ilmu yang membahaskan tentang kaedah dan asas bagaimana para mujtahid mengeluarkan hukum syarak yang berpandukan daripada

dalil dan sumbernya. Sehubungan dengan itu, skop pembelajaran ilmu ini sudah tentu akan menyentuh dalil-dalil atau sumber hukum syarak itu sendiri secara umum (*ijmali*). Daripada sumber ini, kaedah usul fiqh akan dibentuk dan dikeluarkan.

Berikut adalah contoh penerangan bagaimana kaedah-kaedah Usul Fiqh dikeluarkan daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah:



Kaedah-kaedah Usul Fiqh yang dikeluarkan adalah daripada sumber Al-Quran dan Al-Sunnah

Dengan kaedah yang dibentuk ini, para ulama' akan membuat penelitian terhadap sumber-sumber hukum, sama ada al-Quran atau al-Sunnah untuk menghasilkan suatu kesimpulan hukum. Sebagai contoh, kaedah Usul Fiqh menyebutkan setiap ayat perintah biasanya akan mendatangkan hukum wajib.

Contoh-contoh ayat al-Quran yang menunjukkan arahan dan perintah melakukan sesuatu perbuatan dapat diperhatikan seperti berikut:

Ayat al-Quran	Maksud
وَأَقِمْوْا الصَّلَاةَ	Maksudnya: Dan dirikanlah solat (<i>al-Baqarah 2:110</i>)
وَاتُواْ الزَّكَاةَ	Maksudnya: Dan tunaikanlah zakat (<i>al-Baqarah 2:110</i>)
وَأَتِمُّواْ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلّٰهِ	Maksudnya: Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah (<i>al-Baqarah 2:196</i>)

Ilmu Usul Fiqh hanya akan menyentuh perbincangan mengenai dalil-dalil hukum syarak secara umum/*ijmali* dan tidak menyentuhnya secara terperinci / *tafsili* kerana perbincangan yang lebih menyeluruh akan dibincangkan dalam hukum fiqh. Perbezaan antara kaedah usul fiqh dengan hukum fiqh boleh dirumuskan seperti berikut:



Jadual di atas menerangkan bagaimana kaedah Usul Fiqh dibentuk berasaskan dalil ijmali. Penelitian terhadap semua dalil/teks perundangan menunjukkan:

- Teks yang mengandungi perintah biasanya akan menunjukkan kepada hukum wajib.
- Teks yang mengandungi larangan biasanya akan menunjukkan kepada hukum haram.
- Teks yang menggunakan lafaz umum/am biasanya akan menghasilkan hukum yang menyeluruh.

Perbezaan antara Usul Fiqh dengan Ilmu-Ilmu Lain

Ilmu Usul Fiqh mempunyai persamaan dengan beberapa ilmu lain yang kelihatan berkaitan. Perbezaan ini wajar dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan. Antara ilmu yang berkaitan adalah a) Fiqh; dan b) Qawa'id Fiqh c) Maqasid Syariah

Perbezaan pertama adalah Usul Fiqh dan Fiqh dapat digambarkan dalam jadual berikut:

Usul Fiqh	Fiqh
a) Membincangkan tentang dalil dan kaedah yang bersifat ijmali (menyeluruh).	a) Membincangkan tentang dalil tafsili (terperinci)
b) Istilah hukum di sisi para ulama' usul ialah teks al-Quran atau al-Sunnah itu sendiri.	b) Istilah hukum di sisi para ulama' fiqh ialah kesan hukum yang dihasilkan daripada setiap teks al-Quran atau al-Sunnah

Keterangan (a): Ilmu Usul Fiqh membincangkan tentang dalil dan kaedah yang bersifat ijmali (umum/menyeluruh). Ia akan menerangkan metodologi yang mesti diikuti oleh setiap ulama dalam menentukan dan mengenal pasti sesuatu hukum syarak. Sebaliknya perbincangan dalam ilmu Fiqh pula lebih tertumpu kepada penentuan hukum terhadap sesuatu masalah berdasarkan dalil tafsili (terperinci).

Sebagai contoh, ulama Usul Fiqh lebih banyak membincangkan mengenai sesuatu kaedah hukum yang umum atau dalil syarak dalam skop yang lebih luas seperti perbincangan mengenai kaedah: "Semua bentuk arahan memberi maksud wajib selagi mana ianya tidak dinafikan oleh dalil syarak yang lain", perbincangan mengenai pengertian al-Quran, Sunnah, jenis dan statusnya, pengertian Ijmak, konsep al-Qiyas dan aplikasinya dan lain-lain yang seumpamanya.

Sebaliknya, skop perbincangan para ulama Fiqh pula adalah lebih sempit kerana mereka hanya menganalisa dan memutuskan hukum terhadap sesuatu masalah berdasarkan sepotong nas atau ayat daripada dalil syarak yang bersifat tafsili.

Sebagai contoh, para ulama' Fiqh menilai dan mengkaji hukum solat fardu dengan berdasarkan sepotong ayat al-Quran: "Dan dirikanlah solat...". Hasil daripada kefahaman dan analisa yang dibuat, mereka akhirnya memutuskan bahawa hukum mendirikan solat fardu adalah wajib memandangkan kandungan ayat tersebut telah dinyatakan dalam bentuk arahan. Dengan lain perkataan, ulama Fiqh juga perlu memahami ilmu Usul Fiqh sebagai kaedah yang dijadikan panduan bagi mereka untuk mengenal pasti sesuatu hukum bagi kes-kes yang berkaitan.

Keterangan (b): Hukum pada ulama' Usul Fiqh adalah merujuk kepada ayat al-Quran itu sendiri, sebagai contoh ayat 110 daripada Surah al-Baqarah. Ia biasa dinamakan dalam pengajian Usul Fiqh sebagai "Khitab Allah". Tetapi hukum pada ulama' Fiqh ialah hukum wajib mengerjakan solat hasil daripada firman Allah dalam ayat 110, Surah al-Baqarah.

Perbezaan kedua adalah Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh. Kedua-dua ilmu ini adalah berkaitan dengan kaedah. Perkataan qawa'id pada istilah qawa'id fiqh adalah kata jamak kepada perkataan kaedah mengikut perkaedahan bahasa Arab. Dalam perbincangan terdahulu telah kita sebutkan bahawa usul fiqh merupakan ilmu yang membincangkan kaedah bagaimana penentuan suatu hukum syarak dilakukan. Daripada usul fiqh lahirnya hukum fiqh. Daripada hukum fiqh pula terbentuknya qawaid fiqh seperti berikut:

- a) **Ilmu Fiqh:** Sebagai kaedah "perintah memberi maksud wajib"
- b) **Fiqh:** Sebagai contoh "wajibnya solat fardu"
- c) **Ilmu Qawa'id Fiqh:** Sebagai contoh kaedah "setiap perkara bergantung pada niat"

Dengan berpanduan kaedah Fiqh, para ulama' boleh menjadikannya sebagai panduan umum dalam membuat ketentuan hukum. Kaedah ini berperanan menjadi garis panduan untuk para pengkaji hukum Islam. Ia memudahkan mereka memahami dan menyelaraskan kes-kes yang pelbagai di bawah satu kaedah yang boleh merangkumi kesemua kes yang bersamaan konsep dan latar belakangnya.

Perbezaan ketiga adalah Usul Fiqh dan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah didefinisikan sebagai objektif, matlamat, dan hikmah yang ingin dicapai oleh syariat Islam dalam menetapkan hukum-hakamnya. Seperti yang diterangkan sebelum ini, skop perbincangan Ilmu Usul Fiqh lebih kepada kaedah-kaedah dan metodologi pengeluaran hukum secara terperinci, seperti dalil-dalil syarak, kaedah istinbat hukum, qiyas, istihsan, dan sebagainya. Manakala, Maqasid Syariah pula membincangkan matlamat, objektif, dan hikmah di sebalik penetapan hukum-hukum syarak, seperti menjaga nyawa, akal, harta, keturunan, dan agama.

Sebagai contoh dalam Ilmu Usul Fiqh adalah menutup aurat adalah wajib sepertimana yang telah ditetapkan dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Maqasid Syariah pula membahaskan hikmah dan matlamat di sebalik penetapan hukum menutup aurat ini, seperti: memelihara maruah dan

kehormatan diri serta mengelakkan fitnah dan kerosakan akhlak dalam masyarakat (penjagaan keturunan).

Jadi, Ilmu Usul Fiqh memberikan kaedah untuk mengeluarkan hukum menutup aurat daripada sumber-sumbernya, manakala Maqasid Syariah pula menerangkan hikmah dan matlamat di sebalik penetapan hukum tersebut bagi merealisasikan kemaslahatan dan menolak kemudaratan.

Kedua-dua ilmu ini saling melengkapi dalam memahami hukum-hukum syarak secara menyeluruh, iaitu dari segi metodologi pengeluaran hukum dan juga hikmah di sebaliknya.

Perkembangan Ilmu Usul Fiqh pada Zaman Awal Islam

Usul Fiqh sebagai satu kaedah penentuan hukum telah lama wujud. Bahkan menurut Abu Zuhrah, ia telah wujud bersama wujudnya fiqh itu sendiri. Ini memang benar kerana Usul Fiqh merupakan asas kepada kewujudan Fiqh itu sendiri. Bagaimana mungkin ada buah jika tidak ada pokoknya? Namun kemunculannya sebagai satu cabang ilmu yang tersusun berlaku satu abad lebih selepas baginda Rasulullah SAW.

Zaman awal Islam ini kita dapat bahagikan kepada dua: a) zaman sahabat dan b) zaman tabi'in.

a) Zaman Sahabat

Generasi para sahabat misalnya telah menggunakan metodologi dan kaedah tertentu dalam membuat ketetapan sesuatu hukum dan kaedah tersebut sebenarnya merupakan kaedah Usul Fiqh.

Namun kaedah tersebut tidak disusun sebagai satu disiplin ilmu yang tertentu dan tersusun. Sebagai contoh, Abdullah Ibn Mas'ud sewaktu menentukan tempoh 'idah bagi isteri hamil yang kematian suami ialah dengan berlakunya kelahiran bayi yang dikandung. Beliau telah bersandarkan kepada firman Allah dalam surah al-Talaq, ayat 4 maksudnya: *"Mereka (perempuan-perempuan yang hamil), 'idah mereka ialah setelah mereka melahirkan kandungannya."* Beliau menyebutkan bahawa ayat ini diturunkan kemudian daripada ayat al-Baqarah, ayat 234.

Ia menunjukkan bahawa beliau beramal dengan prinsip nasakh yang merupakan salah satu kaedah Usul Fiqh. Begitu juga Umar al-Khattab yang berjihad supaya negeri Iraq yang ditawan oleh tentera Islam tidak dijadikan harta ghanimah yang dibahagikan kepada tentera yang berperang.

Bahkan ia dimiliknegerakan kerana menjaga masalah ekonomi negara pada waktu itu. Kaedah yang dipakai "apabila bertembung antara masalah umum (negara) dengan masalah khusus (tentera yang berperang dan layak mendapat harta ghanimah) maka kepentingan umum akan diberi keutamaan."

Jika demikian, kenapa ilmu Usul Fiqh belum muncul? Jawapannya ialah kerana generasi sahabat belum memerlukan satu penyusunan ilmu yang sedemikian rupa kerana mereka

bersama Rasulullah. Sebarang masalah terus dirujuk kepada Baginda. Setelah kewafatan Baginda, para sahabat tidak memerlukan lagi kerana mereka memiliki kefahaman dan kemahiran yang mendalam tentang kedua sumber hukum iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Mereka hidup dan melihat sendiri wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW.

b) Zaman Tabi'in

Menyusul zaman tabi'in, gerakan ijtihad semakin meluas dan berkembang disebabkan berlakunya pelbagai perkara baru dalam masyarakat. Dengan demikian, penerokaan kepada kaedah ijtihad yang lebih luas dirasai keperluannya. Para ulama' tabi'in dalam membuat kesimpulan hukum telah menggunakan kaedah tertentu. Namun, mereka belum Menyusun kaedah tersebut dalam satu bentuk ilmu yang tersusun.

Perkembangan Ilmu Usul Fiqh pada Zaman Penyusunan

Perkembangan baru telah mula tercetus pada zaman ini yang dikenali sebagai zaman para imam mujtahid. Keperluan penyusunan ilmu Usul Fiqh telah mula dirasai kerana beberapa latar belakang yang wujud ketika itu.

Salah satu faktor keperluan penyusunan adalah kemahiran bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar kedua-dua sumber hukum utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah telah tidak lagi dikuasai dengan mantap. Penguasaan ini terjejas disebabkan para ulama' telah banyak bergaul dengan orang bukan Arab yang telah banyak menerima Islam. Bahkan mula lahir ulama' yang bukan berbangsa Arab. Dengan ini ilmu bahasa Arab dirasakan perlu dipelajari secara teratur. Hal yang sama turut berlaku kepada ilmu tentang al-Quran dan al-Sunnah memandangkan telah berlaku pemisahan jurang generasi yang agak jauh dengan generasi yang hampir dengan Rasulullah SAW.

Selain itu juga, perkembangan tempatan dan semasa yang berlaku, menuntut para ulama' mempunyai kaedah penyelidikan yang mantap untuk menangani keperluan yang wujud pada waktu itu. Terpisahnya para ulama' di penempatan yang pelbagai telah turut menyumbangkan kepada kepelbagaian cara dan pendekatan dalam berijtihad kerana pengalaman hidup yang berbeza-beza.

Kaedah penentuan hukum/ijtihad pada zaman ini telah terbentuk dengan begitu luas dan jelas di kalangan para ulama' lantaran keperluan realiti hidup yang berlaku dan perkembangan keilmuan pada zaman tersebut. Mereka telah mempunyai ciri-ciri metodologi yang tersendiri dan berbeza-beza.

Sebagai contoh, imam Abu Hanifah telah menentukan bahawa sumber hukum Islam adalah al-Quran dan kemudiannya al-Sunnah dan seterusnya fatwa-fatwa sahabat. Dalam berijtihad, beliau banyak berpandukan kepada Qiyas dan Istihsan. Imam Malik pula banyak berpegang kepada "amalan penduduk Madinah" sebagai sumber hukum.

Hasil daripada perkembangan yang berlaku, wujud dua aliran pemikiran hukum yang jelas, iaitu:

- a) Aliran fiqh Madinah; dan
- b) Aliran fiqh Iraq

Antara kedua aliran ini, kadangkala berlaku perdebatan yang serius. Hasilnya, penyusunan ilmu Usul Fiqh yang teratur sebagai garis panduan yang lengkap kepada penyelidikan hukum telah dirasai kepentingannya. Inisiatif ke arah cita-cita tersebut akhirnya menjadi kenyataan apabila Imam Syafi'e menjadi pengasas kepada penyusunan Usul Fiqh.

Imam Syafi'e merupakan orang pertama yang berusaha mengumpul, menyusun dan membukukan kaedah-kaedah Usul Fiqh. Usaha ini dibuat setelah beliau dapati terdapat berbagai-bagai perdebatan dan perbahasan antara kedua-dua aliran tadi, dan terkadang ianya sampai ke peringkat pertembungan yang serius. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu kewajaran supaya satu disiplin dan kaedah dalam membuat kesimpulan hukum dibuat bagi membolehkan para mujtahid sama ada aliran Madinah dan aliran Iraq menjadikan gagasan tersebut sebagai panduan dalam itihad mereka.

Sebenarnya usaha pembukuan dan penulisan Usul Fiqh bukan merupakan perkara yang mudah. Ia memerlukan beberapa kepakaran tertentu. Usaha tersebut memang layak dilakukan oleh Imam Syafi'e kerana beliau sendiri telah dapat menguasai cara dan kaedah kedua-dua aliran tadi. Beliau sebenarnya telah mengikut perkembangan fiqh aliran Madinah hasil perguruan dengan Imam Malik, sementara fiqh aliran Iraq pula didapati melalui pergaulannya dengan Muhammad Ibn Hasan salah seorang murid terkenal Imam Abu Hanifah.

Tambahan pula Imam Syafi'e merupakan tokoh ulama yang mahir dan menguasai berbagai-bagai bidang yang menjadi keperluan asas kepada ilmu Usul Fiqh. Beliau merupakan seorang alim dalam bahasa Arab, arif tentang hukum-hukum fiqh yang disusun sejak zaman para sahabat sehingga ke zamannya di samping menguasai titik perselisihan yang berlaku antara para ulama. Begitu juga kaedah yang digunakan dalam membuat ketetapan hukum dan lain-lain yang berkaitan. Kemahiran dan penguasaan ini digunakan sepenuhnya oleh Imam Syafi'e dalam usahanya menyusun dan membukukan ilmu Usul Fiqh.

Imam Syafi'e, apabila disebut sebagai ulama pertama yang menyusun dan membukukan ilmu Usul Fiqh, ia tidaklah bermakna beliau dianggap sebagai ulama' ulung yang berusaha bagi mengumpul, menyusun dan membukukan kaedah dan manhaj yang digunakan dalam berijtihad dan membuat kesimpulan hukum dalam bentuk yang tersusun dan teratur, sehingga akhirnya beliau mampu mengeluarkan sebuah kitab yang dinamakan al-Risalah.

Para ulama' yang terkemudian telah membuat pengakuan dan pengiktirafan bahawa apa yang disusun oleh Imam Syafi'e adalah suatu yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana ulama' sebelumnya. Sehingga sekarang al-Risalah masih kekal menjadi rujukan terpenting pengkaji-pengkaji ilmu Usul Fiqh.

Perkembangan Ilmu Usul Fiqh pada Zaman Selepas Penyusunan

Al-Risalah merupakan model penulisan Usul Fiqh yang pertama dan telah dijadikan asas kepada perkembangan usaha selanjutnya. Selepas tersusunnya al-Risalah, ulama'-ulama' terkemudian telah membuat beberapa usaha baru berasaskan kepada kitab tersebut. Antaranya, usaha-usaha membuat penghuraian dan ulasan terhadap beberapa konsep dan kaedah yang dibincangkan. Sesetengah yang lain pula menokok tambah beberapa kaedah lain yang tidak disebut. Manakala

yang lain pula membuat sanggahan terhadap beberapa konsep dan kaedah yang dikemukakan oleh Imam Syafi'e.

Kesimpulannya, segala penulisan yang ditulis selepas al-Risalah adalah merupakan suatu analisis terhadap kandungan dan beberapa konsep yang dikemukakan oleh Imam Syafi'e. Metodologi beliau dalam al-Risalah telah menjadi asas penting kepada perkembangan penyusunan dan penulisan ilmu Usul Fiqh selepasnya dalam jangka masa yang agak lama sehingga akhir kurun keempat.

Antara penulisan yang lahir selepas al-Risalah ialah Kitab Ta'at al-Rasul, al-Nasikh Wa al-Mansukh, Kutub al-'Ilal yang dikarang oleh Imam Ahmad In Hanbal. Begitu juga kitab-kitab seperti Ibtal al-Taqlid, Ibtal al-Qiyas dan lain-lain yang ditulis oleh Ibn al-Hazm al-Zahiri.

Dalam kurun keempat ini, terdapat usaha-usaha yang dibuat oleh ulama'-ulama' mutaakhir yang menghuraikan atau membuat perincian dan ulasan terhadap al-Risalah. Antaranya:

- a) *Syarh* - Abu al Walid al-Naisaburi (m. 439).
- b) *Syarh* - Abu Bakar al-Sairafi (m.330).
- c) *Syarh* - al-Qaffal al-Syasyi (m.365).

Walau bagaimanapun, ulasan dan komentar ini tidak didapati dalam simpanan mana-mana perpustakaan di dunia hari ini. Selain daripada ulasan-ulasan tersebut, terdapat beberapa penulisan Usul Fiqh yang ditulis selepas al-Risalah. Antaranya:

- a) *Al-Luma'* oleh Abu al-Farj bin Muhammad al-Maliki (m.331).
- b) *Al-Asyraf 'Ala Usul al-Fiqh* oleh Abu Hamid al-Basri, al Syafi'e.

Pada akhir kurun keempat dan awal kurun kelima hijrah berlaku perkembangan baru kepada ilmu Usul Fiqh. Para ulama' mazhab Hanafi dan ulama ilmu al-Kalam telah mula menulis dan menyusun penulisan yang dianggap baru dan tersendiri dengan membawa metodologi yang tersendiri. Penulisan-penulisan tersebut disusun berdasarkan kepada unsur-unsur berikut:

- a) Hukum-hukum fiqh;
- b) Dalil dan sumber-sumber hukum tersebut;
- c) Kaedah dalam membuat ketetapan hukum; dan
- d) Ulama' mujtahid.

Kedua-dua aliran tadi telah membuat pendedahan mengenai empat unsur di atas dengan pendekatan yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

a) Aliran Ahli Ilmu al-Kalam

Aliran ini diwakili oleh para ulama' Ilmu al-Kalam daripada ulama' mazhab Muktazilah, kebanyakan ulama' mazhab Syafi'e dan ulama mazhab Maliki. Antara ciri keistimewaan aliran ini ialah menekankan unsur penetapan kaedah yang bersifat teori dengan sokongan dari dalil-dalil yang berkaitan.

Mana-mana kaedah yang bersesuaian dengan dalil sama ada 'aqli atau naqli akan diterima dan dianggap tepat. Ia dilakukan tanpa mengambil kira sama ada kaedah itu bersesuaian dan selaras dengan hukum yang ada dalam mazhab mereka atau sebaliknya. Pendedahan yang

dibuat oleh aliran ini bukanlah terhad kepada pembentukan kaedah Usul Fiqh yang menjadi asas pembinaan hukum fiqh. Ia juga turut menyoroti unsur-unsur falsafah dan logik, yang secara langsung mempunyai hubungan dengan ilmu al-Kalam.

Menurut aliran ini, kaedah-kaedah tadi menjadi penentu kepada hukum-hukum fiqh. Oleh itu semasa membuat pengolahan tentang kaedah usul, jarang sekali dikemukakan hukum-hukum fiqh kecuali hanya dalam bentuk contoh dan keterangan kepada kaedah yang disebutkan. Kedudukan ini berlainan sekali dengan aliran penulisan Hanafi yang sangat bergantung kepada hukum-hukum fiqh dalam menentukan kaedah Usul Fiqh.

Antara kitab-kitab yang dihasilkan oleh aliran ini ialah:

- i) *Al-Mu'tamad* oleh Abu al-Husin Muhammad bin Ali al-Basri (m. 1435H).
- ii) *Al-Burhan* oleh Imam al-Haramain Abdul Malik bin Abdullah al-Juwaini (m. 478H).
- iii) *Al-Mustasfa* oleh Imam al-Ghazzali (m. 505H) dan lain-lain.

b) Aliran Hanafi

Keistimewaan yang ditonjolkan oleh aliran ini pula ialah penekanan daripada sudut pembentukan kaedah berdasarkan hukum-hukum fiqh, cabang yang diambil daripada ijtihad yang dibuat oleh imam-imam mazhab. Mereka akan mengolah kaedah-kaedah yang dibentuk supaya bersesuaian dengan hukum-hukum fiqh yang dinukilkan daripada para imam mazhab.

Oleh yang demikian, hukum-hukum fiqh dalam aliran ini menjadi penentu kepada kesahihan kaedah. Kesimpulannya, pendekatan ini menjadikan kaedah Usul Fiqh yang dibina tunduk kepada kehendak hukum-hukum fiqh yang sedia ada dalam Khazanah fiqh mazhab.

Keadaan ini berlaku kerana kaedah-kaedah usul dan prinsip asas tidak dinukilkan daripada para imam mazhab. Yang ada hanyalah hukum-hukum fiqh cabang sahaja. Oleh itu, mereka berusaha menetapkan kaedah yang boleh menyokong hukum-hukum tersebut yang boleh dijadikan perisai bagi menghadapi perdebatan dengan lawan mereka.

Jika didapati beberapa kaedah tertentu berlawanan dengan hukum fiqh, maka mereka berusaha sedaya mungkin untuk mengubah kaedah tersebut supaya selari dengan hukum yang ada.

Antara penulisan yang ditonjolkan oleh aliran ini ialah:

- i) Kitab *Usul al-Karkhi* oleh Abu al-Hassan al-Karkhi (m. 340H).
- ii) Kitab *al-Usul* oleh Abu Bakar al-Jassas (m.307H).
- iii) *Ta'sis al-Nazar dan Taqwim al-Adillah* oleh Abu Zaid al-Dabusi (m.430H1).
- iv) *Kanz al-Usul Ila Makrillah al-Usul* oleh Fakhr al-Islam al-Bazdawi (m.482H) dan lain-lain.

Penulisan-penulisan aliran ini tidak terhad kepada ulama' Hanafi sahaja, tetapi juga turut melibatkan ulama-ulama mazhab lain seperti Syafi'e, Maliki dan Hanbali. Antaranya:

- i) *Takhrijal-Furu' 'Ala al-Usul* oleh Syihabud Din al-Zanjani (m.656H).
- ii) *Al-Tamhid Fi Takhrii al Furu' Ala al-Usul* oleh Jamaluddin AbdurRahim al-Isnawi (m. 722H)

c) Aliran Mutaakhirin

Pada kurun ketujuh hijrah, terdapat usaha bersama antara ulama' Hanafi dan Syafi'e dalam menggabungkan pendekatan kedua-dua aliran di atas tadi dengan penekanan dalam pembentukan kaedah usul yang disertakan dengan dalil dan hujah serta aplikasi kaedah-kaedah tadi ke atas hukum. hukum fiqh.

Antara kitab yang ditulis dalam aliran ini seperti:

- i) *Badi' al Nizam, al-Jami' Bayn Usul al- Bazdawi Wa al-Ahkam* oleh MuzfirudDin Ahmad bin 'Ali al-Hanafi (m. 694H).
- ii) *Tanqih al-Usul* oleh UbaidulLah Ibn Mas'ud al-Hanafi (m. 747H).
- iii) *Jami' al-Jawami'* oleh TajudDin 'Abdul Wahhab bin 'Ali al Subki al-Syafi'e (m. 771H).

Perkembangan penulisan ilmu Usul Fiqh terus berlaku dengan muncul penulisan dalam bentuk baru dengan gaya bahasa yang lebih mudah difahami. Usaha ini kebanyakannya dipelopori oleh para ilmuan baru yang secara langsung terlibat dengan tugas pengajaran Usul Fiqh di institusi-institusi pengajian tinggi.

Antara hasil penulisan yang dilahirkan oleh golongan ini seperti:

- i) *Tashil al-Wusul Ila 'Imi al-Usul* oleh Syeikh AbdurRahman al-Mahlawi (m.1920).
- ii) *Usul al-Fiqh* oleh Muhammad al-Khudhari (m. 1927H).
- iii) *Usul al-Fiqh* oleh Abdul Wahab Khallaf (m. 1955H).
- iv) *Usul al-Fiqh* oleh Muhammad Abu Zahrah (m. 1978H) dan lain-lain.

Jika dilihat pula kepada perkembangan terkini yang berlaku dalam dunia umat Islam, didapati pendedahan ilmu ini perlu terus diperkembangkan sesuai dengan keperluan semasa. Keperluan ini perlu digarap secara serius oleh para ilmuan Islam sekarang, bagi menjayakan usaha menjadikan hukum Islam sebagai rujukan kepada penyelesaian masalah ummah kini.

SESI KEDUA: TEORI HUKUM ISLAM DAN PEMBAHAGIANNYA

Pendahuluan

Sebelum in, kita telah membincangkan secara umum mengenai latar belakang ilmu Usul Fiqh serta sejarah perkembangannya. Menerusi perbincangan tersebut, kita sebenarnya dapat merumuskan bahawa Usul Fiqh mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan persoalan hukum.

Ini disebabkan ia merupakan metodologi kepada penentuan hukum dalam pelbagai isi kehidupan. Justeru itu, topik kedua ini akan menumpukan perbincangan kepada persoalan teori hukum Islam yang perlu difahami oleh para peserta pembelajaran.

Perbincangan dalam topik ini akan menyentuh mengenai definisi hukum sama ada dari kaca mata ulama Fiqh mahupun ulama Usul Fiqh, huraian mengenai pembahagian hukum kepada taklifi dan wad'i serta perbezaan di antara kedua-duanya. Selain itu juga, para pelajar akan turut didedahkan kepada perbincangan mengenai bahagian-bahagian hukum taklifi dan hukum wad'i secara lebih terperinci seperti yang telah digariskan oleh para ulama Usul Fiqh.


Definisi dan Konsep Hukum Islam

Dalam membincangkan definisi hukum, ia boleh dihuraikan berasaskan dua perspektif utama iaitu definisi hukum dari perspektif bahasa dan juga istilah seperti berikut:

Bahasa: Hukum didefinisikan secara mudah sebagai suatu penegahan atau larangan.

Istilah: Hukum didefinisikan sebagai khitab atau perintah Allah SWT yang berkait dengan perbuatan mukallaf sama ada dalam bentuk *iqtida'* (perintah atau arahan), *takhyir* (pilihan) atau *wad'i* (ketentuan).

Khitab Allah SWT dalam bentuk *iqtida'* dan *takhyir* akan membentuk jenis hukum yang dikenali sebagai hukum-hukum *taklifi* manakala khitaBNya yang berbentuk *wa'i* pula akan menghasilkan hukum-hukum *wad'i* seperti berikut:



Khitab Allah SWT di sini bermaksud, mesej dari Allah SWT yang ingin disampaikan kepada mukallaf menerusi utusanNya, Muhammad SAW dalam bentuk wahyu yang terkandung dalam al-Quran dan juga al-Sunnah. Secara lebih tepat, mesej tersebut merangkumi segala ketentuan Allah SWT secara mutlak sama ada ia diturunkan secara langsung daripadaNya seperti al-Quran atau menerusi perantaraan seperti al-Sunnah, Ijmak, Qiyas dan dalil-dalil syarak yang lain.

Ini kerana kesemua dalil ini pada hakikatnya merupakan penjelasan kepada mesej yang ingin disampaikan oleh Allah SWT kepada para mukallaf. Mesej hukum yang ingin disampaikan oleh khitaB Allah daripada pelbagai dalil tadi memerlukan tumpuan dan penelitian sehingga sampai kepada ketentuan hukum tertentu.

Menurut Prof. Dato Dr. Mahmood Zuhdi Ab Majid, bahkan KhitaB Allah SWT yang terkandung dalam wahyu itu sendiri tidak boleh diketahui dengan jelas mesej hukumnya melainkan melalui kefahaman yang benar. Oleh yang demikian ia hanya dikuatkuasakan ke atas individu bertaraf mukallaf sahaja.

Kefahaman yang dimaksudkan di atas dikenali sebagai fiqh seperti yang telah dihuraikan dalam sesi sebelum ini yang merupakan kefahaman mengenai hukum Islam berdasarkan dalil-dalilnya yang bersifat *tafsili*.

Meskipun fiqh atau hukum Islam itu pada hakikatnya adalah KhitaB Allah SWT yang dizahirkan menerusi wahyu, namun bentuk dan rumusannya boleh dipengaruhi oleh beberapa latar belakang terutamanya pada perkara yang tidak dijelaskan secara pasti oleh nas. Antara faktor

yang boleh mempengaruhi kesimpulan hukum yang dibuat adalah kemampuan intelek para ulama' yang terlibat dalam menafsirkan hukum daripada sesuatu dalil syarak.

Antaranya juga adalah faktor persekitaran dan realiti semasa dan setempat. Dengan lain perkataan, hukum yang dirumuskan oleh para ulama' tidak semestinya akan bersifat kudus daripada sebarang kritikan dan penilaian (*mukaddas*) dan kekal abadi seperti wahyu dan Syariat Islam itu sendiri. Lantaran itu, perubahan dalam fiqh atau hukum yang terhasil dari kefahaman mengenai sesuatu isu, akan menyebabkan perubahan hukum yang bakal diputuskan dengan berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi agar ia dilihat sentiasa relevan dengan perubahan zaman dan juga tempat.

Definisi Hukum Menurut Ulama' Fiqh dan Ulama' Usul Fiqh

Tahukah anda bahawa istilah hukum telah didefinisikan secara berbeza oleh dua golongan ulama' Islam iaitu para ulama' Fiqh dan para ulama' Usul Fiqh? Yang akan menjadi fokus perbincangan modul ini adalah merujuk kepada definisi para ulama' Usul Fiqh.

Perbezaan tafsiran yang diberikan oleh kedua-dua golongan ini adalah merujuk kepada perbezaan perspektif yang dilihat oleh mereka. In kerana kedua-dua golongan ini menafsirkan istilah hukum dari dua perspektif yang berlainan mengikut disiplin ilmu masing-masing.

Menurut ulama' Usul Fiqh, hukum ditafsirkan sebagai Khitab Allah SWT itu sendiri atau dengan lain perkataan, ia merupakan nas atau dalil-dalil syarak. Sebaliknya, ulama' Fiqh pula mentakrifkan hukum sebagai kesan hukum yang boleh dikeluarkan daripada dalil-dalil syarak tadi mengenai sesuatu perkara seperti hukum wajib, sunat, haram dan sebagainya.

Sebagai contoh, firman Allah SWT: “.. dan janganlah kamu menghampiri zina.” sudah dianggap sebagai hukum oleh ulama' Usul Fiqh sedangkan ia dianggap sebagai dalil oleh ulama' Fiqh. Ini kerana ulama' Fiqh menganggap kesan atau natijah hukum yang boleh dikeluarkan daripada firman Allah SWT di atas tadi iaitu pengharaman zina adalah hukum yang sebenar. Sementara firman Allah berkaitan hal tersebut hanya bersifat sebagai dalil dan sumber bukannya hukum.

Pembahagian Hukum Islam; Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i

Hukum Taklifi

Apakah yang dimaksudkan dengan hukum taklifi?

Hukum taklifi ditakrifkan sebagai hukum tugas kerana ia berkait ketetapan dan arahan untuk melakukan sesuatu atau meninggalkan atau membuat pilihan.

Kenapa ia dinamakan taklifi?

Jenis hukum ini dinamakan sebagai taklifi kerana ia mengandungi elemen pentaklifen atau tanggungjawab agama yang dibebankan ke atas manusia sama ada tanggungjawab tersebut

dinyatakan menerusi arahan agar ia dilakukan (*talab al-fi'l*), atau ditinggalkan (*talab al-Kaf*) atau sebagai suatu pilihan antara melakukannya atau meninggalkannya (*takhyir*).

Tidakkah anda merasa aneh kenapa pentaklifen dalam bentuk *takhyir* juga dianggap sebagai hukum taklifi? Jika taklifi itu bermaksud satu bebanan, maka pentaklifen dalam bentuk *takhyir* tidak sesuai diletakkan di bawah bahagian hukum taklifi memandangkan ia hanya bersifat pilihan dan bukannya suatu bentuk bebanan tanggungjawab yang mesti ditunaikan tanpa ada pilihan sebagaimana berlaku pada arahan melakukan (sebagai contoh wajib melakukan solat lima waktu) atau meninggalkan sesuatu (sebagai contoh wajib menjauhkan diri dari perbuatan zina).

Namun demikian, para ulama' Usul Fiqh tetap memasukkannya ke dalam bahagian hukum taklifi memandangkan ia masih mempunyai kaitan dengan mukallaf dan merupakan salah satu bentuk hukum yang wujud dalam kehidupan beragama bagi seseorang Muslim.

Pembahagian Hukum Taklifi

Hukum taklifi boleh dibahagikan kepada 5 bahagian seperti berikut:

- a) Wajib
- b) Sunat
- c) Haram
- d) Makruh
- e) Harus

Penerangan bagi setiap hukum taklifi adalah seperti berikut:

Hukum	Penerangan
Wajib	Dikenal pasti menerusi dalil yang berbentuk <i>iqtida'</i> iaitu dalil yang mengandungi arahan secara tegas agar sesuatu perkara dilakukan seperti wajibnya solat fardu, zakat, haji kepada sesiapa yang berkemampuan dan sebagainya. Oleh itu setiap mukallaf mesti mengerjakannya secara mutlak.
Sunat	Dikenal pasti menerusi dalil yang juga berbentuk <i>iqtida'</i> . Tetapi arahan dalam dalil ini tidak secara tegas. Oleh itu segala yang berbentuk sunat tidak mesti dilakukan secara mutlak. Cukup sekadar ia digalakkan supaya dilakukan. Antara contoh hukum sunat ialah sunat mencatatkan hutang, menunaikan solat rawatib, puasa pada tarikh 13, 14 dan 15 dalam setiap bulan Hijrah dan sebagainya. Bezanya dengan hukum wajib hanyalah pada ketegasan sifat arahan. Jika arahan itu tegas maka ia adalah wajib. Jika sebaliknya, ia adalah sunat.
Haram	Dikenal pasti menerusi dalil yang berbentuk <i>iqtidai'</i> yang menyatakan arahan secara tegas supaya sesuatu perkara tidak dilakukan. Antara contoh hukum haram adalah seperti pengharaman zina, mencuri, membunuh dan lain-lain. Oleh itu, meninggalkan sesuatu yang haram adalah dituntut secara mutlak.

Makruh	Dikenal pasti menerusi dalil yang berbentuk <i>iqtida'</i> yang menyatakan arahan tidak secara tegas supaya sesuatu perkara tidak dilakukan. Oleh itu meninggalkan perkara makruh adalah digalakkan dan bukannya satu kemestian. Antara contoh hukum makruh ialah banyak bertanya kepada perkara-perkara yang tidak perlu.
Harus	Dikenal pasti menerusi dalil syarak yang berbentuk <i>takhyir</i> (pilihan) di mana ia tidak menyatakan tentang arahan mahupun larangan yang perlu diikuti sama ada secara tegas atau tidak. Oleh itu, perkara yang telah ditetapkan sebagai harus dianggap sebagai suatu perkara yang bebas untuk dilakukan atau sebaliknya. Antara contoh hukum harus ialah berburu, memakan makanan yang lazat, makan secara berkumpulan atau bersendirian dan sebagainya.

Hukum Wad'i

Apakah yang dimaksudkan dengan hukum Wad'i?

Hukum wad'i boleh ditakrifkan sebagai hukum ketentuan di mana Allah SWT menjadikan sesuatu perkara sebagai **sebab** kepada perkara yang lain atau **syarat** kepadanya atau **mani'** (halangan) daripadanya.

Pembahagian Hukum Wad'i

Hukum wad'i boleh dibahagikan kepada 3 bahagian seperti berikut:

- Sebab
- Syarat
- Mani' (halangan)

Ketiga-tiga perkara ini iaitu sebab, syarat mahupun mani' dianggap sebagai hukum ketentuan kerana ia akan menentukan sah atau batalnya sesuatu hukum fiqh. Keadaan ini berlaku menerusi perkaitan yang dibina di antara dua perkara iaitu di antara sebab dan perkara yang disebabkan olehnya (musabab), syarat dan perkara yang disyaratkan dengannya serta mani' dan perkara yang telah dihalang kerana kewujudannya. Berikut adalah contoh-contoh bahagian hukum wad'i.

Hukum	Contoh
Sebab	Antara contoh Sebab yang boleh menentukan sesuatu hukum ialah seperti firman Allah SWT: "Dan dirikanlah solat dari saat matahari tergelincir..." Allah SWT telah menjadikan gelincir matahari sebagai sebab kepada wajibnya solat zohor. Daripada contoh tadi, gelincir matahari menjadi sebab, wajibnya solat zohor menjadi musabab.

Syarat	Manakala contoh bagi Syarat pula ialah seperti firman Allah SWT: “Dan mengerjakan haji di Baitullah adalah kewajiban manusia terhadap Allah (iaitu) bagi sesiapa yang mampu menyiapkan diri menuju ke arahnya”. Dalam ayat ini Allah SW telah menjadikan kemampuan mengerjakan haji sebagai syarat bagi wajibnya haji. Dengan maksud sesiapa yang tidak memenuhi syarat kemampuan maka kewajiban haji tidak bertanggung olehnya.
Mani'	Contoh bagi mani' (halangan) pula dapat diperhatikan menerusi sabda Rasulullah SAW: “Diangkatkan qalam (tidak dikenakan dosa) ke atas tiga golongan: orang yang tidur sehinggalah dia jaga (dari tidurnya), kanak-kanak sehinggalah dia baligh dan daripada orang gila sehinggalah dia sedar (dari gilaanya)”. Menerusi hadis ini, Rasulullah SAW telah menjadikan tidur, kecil (usia muda) dan gila sebagai mani' (halangan) daripada dikenakan dosa terhadap tindakan yang bersalahan dengan syarak.

Perbezaan antara Hukum Taklifi dan Hukum Wad'i

Daripada keterangan di atas sudah tentu jelas menunjukkan antara kedua-dua jenis hukum tersebut terdapat perbezaan utama seperti berikut:

Hukum Taklifi	Hukum Wad'i
a) Hukum taklifi merupakan hukum tugas di mana ia menetapkan arahan supaya melakukan sesuatu perkara atau arahan meninggalkannya atau memilih di antara melakukannya atau tidak.	a) Sebaliknya, hukum wad'i merupakan hukum ketentuan di mana ia menentukan sejauh mana sah atau batalnya sesuatu hukum berdasarkan perkaitan suatu perkara dengan sesuatu sebab, syarat atau halangan yang boleh menentukan hukumnya. Oleh yang demikian, jika sekiranya sebab atau syarat kepada suatu hukum dan kewajiban tidak wujud maka perkara tersebut boleh dianggap tidak wujud atau tidak sah. Tidak akan wujud kewajiban solat zohor jika tidak tergelincirnya matahari. Tidak akan sah solat jika dilakukan tanpa wuduk kerana ia menjadi syarat sah bagi solat yang dikerjakan. Keadaan yang sama juga berlaku dalam kes mani' (halangan) di mana kewujudannya dalam sesuatu perkara akan menyebabkan hukumnya terhalang dan terbatal.

b) <i>Al-mukallaf fih</i> atau perkara yang berkait dengan perbincangan hukum taklifi yang terdiri daripada wajib, sunat, haram, makruh, sunat dan harus mampu dikawal oleh seorang mukallaf. Di mana dia mampu melakukan atau meninggalkan perbuatan yang disuruh, dilarang atau diberikan pilihan mengikut keinginannya sendiri. Sebagai contoh, dia mampu melakukan kewajipan solat. Dia juga mampu untuk meninggalkan zina. Ini kerana kedua-dua perkara yang berada di bawah kawalan manusia. Perkara ini berlaku kerana matlamat di sebalik hukum taklifi ialah supaya mukallaf mampu melakukan perbuatan-perbuatan tersebut sepertimana yang diarahkan. Jika tidak, nescaya pentaklifan yang ditetapkan oleh syarak akan dianggap sebagai suatu yang sia-sia kerana ia tidak mampu dilakukan oleh para mukallaf.	b) Sebaliknya, perkara yang dibincangkan dalam hukum wad'i tidak semestinya boleh dikawal oleh mukallaf kerana terdapat sebahagian daripadanya berada di luar kemampuan beliau. Sebagai contoh, antara perkara yang boleh dikawal oleh mukallaf ialah perbuatan mencuri dan zina sebagai sebab kepada pelaksanaan hukuman hudud, kehadiran saksi sebagai syarat kesahihan perkahwinan dan perbuatan membunuh sebagai mani' (halangan) kepada hak seorang pembunuh menerima pusaka waris yang dibunuhnya. Manakala contoh bagu hukum wad'i yang berada di luar kawalan mukallaf pula ialah seperti gelincir matahari sebagai sebab kepada kewajipan menunaikan solat zohor, baligh sebagai syarat menghentikan hak wali untuk menguruskan hal ehwal kanak-kanak yang berada di bawah jagaannya dan kewujudan penyakit gila sebagai mani' kepada kesahihan akad yang dimeterai olehnya.
c) Hukum taklifi hanya membincangkan hal-hal berkaitan dengan mukallaf Sahaja.	c) Sebaliknya, hukum wad'i turut membincangkan Bersama hal-hal yang berkaitan dengan individu yang bukan mukallaf. Contohnya, kanak-kanak dan orang gila. Sebagai contoh, hukum wad'i membincangkan sama ada tindakanyang diambil oleh dua golongan tersebut terutamanya dalam pelaksanaan kontrak jual beli dianggap sah atau sebaliknya.

Pandangan Ulama' tentang Pembahagian Hukum Taklifi

Dalam hal ini, para ulama' telah berselisih pandangan kepada dua pandangan utama iaitu:

- Jumhur Ulama'
- Ulama' Hanafiyyah

Kedua-dua golongan tersebut berselisih pandangan dalam menentukan bilangan hukum taklifi. Menurut jumhur ulama', hukum taklifi terbahagi kepada lima bahagian, iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

Sebaliknya ulama' Hanafiyyah telah memperincikan pembahagiannya dengan menambah hukum fardu sebagai pecahan dari wajib dan hukum makruh tanzihî dan makruh tahrimî sebagai perincian kepada hukum makruh seperti berikut:

- i) Fardu
- ii) Wajib
- iii) Sunat
- iv) Haram
- v) Harus
- vi) Makruh Tahrimî
- vii) Makruh Tanzihî

Berikut adalah penerangan tentang hukum taklifi di sudut pandangan Ulama' Hanafiyyah.

Hukum	Maksud
Fardu	Ulama Hanafiyyah berpandangan wujud perbezaan di antara hukum wajib dan fardu. Menurut mereka, fardu ditakrifkan sebagai sesuatu perkara yang telah diputuskan berdasarkan dalil yang qat'i (iaitu dalil yang tidak mempunyai sebarang keraguan) seperti al-Quran dan Hadis Mutawatir atau Masyhur. Antara contoh perkara yang dianggap fardu seperti beriman dengan rukun Islam yang lima. Ia dinyatakan menerusi al-Quran. Begitu juga kefarduan membaca ayat-ayat al-Quran ketika berdiri dalam solat kerana berdasarkan Hadis Mutawatir dan Masyhur.
Wajib	Sebaliknya, hukum wajib ditakrifkan oleh Hanafiyyah sebagai perkara yang diputuskan menerusi dalil hukum yang bersifat zanni di mana ia dianggap mempunyai kemungkinan untuk berlaku keraguan. Oleh yang demikian, mereka menegaskan bahawa hukum menunaikan zakat fitrah, solat witir dan solat dua hari raya dianggap sebagai wajib memandangkan kesemua hukum bagi kes-kes telah diputuskan menerusi Hadis Ahad iaitu hadis yang diriwayatkan oleh para perawi yang bilangannya kurang daripada tiga orang pada mana-mana tiga generasi utama (iaitu sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in) selepas kewafatan Rasulullah s.aw. Sehubungan dengan ini, para ulama' Hanafiyyah menegaskan bahawa sesiapa yang dengan sengaja mengingkari amalan yang telah diputuskan sebagai fardu dia dianggap terkeluar daripada Islam. Sebaliknya, jika dia mengingkari amalan yang wajib, dia hanya dianggap fasiq dan masih kekal sebagai seorang muslim.
Makruh Tahrimî	Berkenaan hukum makruh pula, ulama' Hanafiyyah turut membahagikannya kepada dua; makruh tahrimî dan makruh tanzihî. Menurut mereka, kedua-dua bentuk makruh ini mempunyai perbezaan. Makruh tahrimî ditakrifkan sebagai perkara yang diperintahkan oleh syarak agar ditinggalkan secara tegas berdasarkan dalil zanni seperti Hadis Ahad. Antara contoh amalan yang dihukumkan sebagai makruh tahrimî ialah membeli

	barangan yang telah ditempah orang lain, meminang tunang orang lain dan sebagainya. Hukum in berdasarkan Hadis Ahad yang disabdakan oleh Rasulullah SAW: “Janganlah seseorang individu menjual ke atas jualan saudaranya dan janganlah (juga) dia meminang atas pinangan orang lain”. Makruh tahrimi bole berubah menjadi haram sekiranya larangan daripada melakukan sesuatu amalan dinyatakan menerusi dalil yang qat’i seperti ayat al-Quran, Hadis Mutawatir mahupun Hadis Masyhur. Sebagai contoh, pengharaman mencuri, berzina dan sebagainya. Sesiapa yang mengingkari hukum haram yang diputuskan menerusi dalil yang qat’i maka dia dianggap terkeluar daripada Islam. Namun demikian, jika dia hanya mengingkari hukum makruh tahrimi dia dianggap seorang yang fasiq dan masih bergelar Muslim.
Makruh Tanzihi	Manakala makruh tanzih, ia ditakrifkan oleh ulama’ Hanafiyyah sebagai perkara yang diperintahkan oleh syarak agar ia ditinggalkan dengan secara yang tidak tegas. Dengan kata lain, makruh tanzih di sisi ulama’ Hanafiyyah sebenarnya adalah merupakan hukum makruh yang difahami oleh jumhur ulama. Antara contoh kes yang dihukumkan dengan makruh tanzih di sisi mereka ialah memakan daging kuda kerana ia diperlukan dalam peperangan, mengambil wuduk daripada baki air yang diminum oleh kucing dan burung pemangsa dan sebagainya.

Sebagai kesimpulan, bentuk pembahagian hukum taklifi yang digariskan oleh jumhur ulama’ adalah berbeza berbanding apa yang diterima oleh ulama Hanafiyyah. Ini kerana jumhur membahagikan hukum taklifi kepada lima, iaitu wajib atau fardu, sunat, haram, makruh dan harus. Sebaliknya, ulama’ Hanafiyyah pula membahagikannya kepada tujuh, iaitu fardu, ajib, sunat, haram, makruh tahrimi, makruh tanzih dan harus.

Justifikasi kepada Perbezaan Pandangan Ulama’ dalam Pembahagian Hukum Taklifi

Perbezaan pandangan yang timbul di antara dua golongan ulama’ di atas sebenarnya adalah berpunca daripada perbezaan perspektif yang dilihat untuk menilai sesuatu dalil dan konsep hukum yang diputuskan daripada dalil tersebut.

Ulama’ Hanafiyyah contohnya, menilai sesuatu hukum dari perspektif kekuatan dalil dalam menerangkan arahan atau larangan yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, mereka membezakan di antara fardu dan wajib memandangkan perbezaan kekuatan dalil di antara yang qat’i dan yang zhanni. Oleh itu, mereka menganggap hukum yang diputuskan menerusi dalil qat’i adalah lebih kukuh maka ia dinamakan sebagai fardu ataupun haram.

Manakala bagi hukum yang diputuskan menerusi dalil zhanni, ia dianggap sama ada sebagai wajib atau makruh tahrimi sahaja memandangkan keautoritian dalil tersebut tidak cukup kuat untuk menegaskan sesuatu hukum.

Sebaliknya, jumhur ulama' pula lebih memberikan penekanan kepada kandungan yang ingin disampaikan menerusi dalil hukum. Lantaran itu, mereka kurang membincangkan persoalan kekuatan dalil dari sudut qat'i atau zhanni. Ini kerana mereka menganggap sesuatu dalil hukum sudah boleh diterima sekiranya ia telah disahkan sebagai sahih sekalipun statusnya hanyalah zhanni seperti Hadis Ahad. Oleh yang demikian, faktor in telah mendorong jumhur ulama' untuk tidak membezakan antara fardu dan wajib atau haram dan makruh tahrimi sekalipun setiap satunya dilihat mempunyai sedikit perbezaan sepertimana yang telah ditegaskan oleh ulama' Hanafiyyah.

SESI KETIGA: HUKUM TAKLIFI DAN PEMBAHAGIANNYA

Pendahuluan

Sebelum ini, kita telah membincangkan secara umum mengenai definisi hukum, pembahagiannya kepada taklifi dan wad'i serta perbezaan yang wujud di antara kedua-duanya. Justeru itu, sebagai lanjutan kepada perbincangan tersebut, Sesi 3 ini akan membawa anda untuk lebih mendalami konsep hukum taklifi dan pembahagiannya dengan lebih terperinci berdasarkan contoh-contoh yang diberikan.

Perbincangan dalam bahagian in akan merangkumi huraian mengenai pembahagian bagi setiap hukum taklifi; wajib, sunat, haram, makruh dan bersertakan dengan konsep yang jelas serta contoh-contoh yang relevan bagi memastikan anda dapat memahami setiap bahagian hukum dan hubung kait serta perbezaan yang wujud di antaranya.

Konsep dan Pembahagian Hukum Wajib

Wajib merupakan hukum terhadap sesuatu perkara yang dituntut agar dilakukan dengan berdasarkan dalil yang tegas dalam bentuk *iqtida'*: Mukallaf yang melaksanakan perkara wajib adalah dipuji sedangkan mereka yang meninggalkannya boleh dikeji dan akan menerima penyeksaan yang setimpal di akhirat nanti. Lebih berat daripada itu, individu yang mengingkari perkara wajib yang disabitkan menerusi dalil yang berstatus qati'e seperti al-Quran dan Hadis Mutawatir boleh dianggap sebagai telah keluar daripada Islam dan wajib bertaubat. Sebaliknya, jika perkara wajib tersebut telah disabitkan oleh dalil yang berstatus zhanni maka individu yang mengingkarinya hanya dianggap menjadi fasiq dan tetap wajib bertaubat.

Selain itu, perbincangan mengenai wajib turut diperselisihkan di kalangan ulama' terutamanya oleh mereka yang beraliran Hanafiyyah. Ini kerana mereka mendakwa konsep wajib masih perlu diperincikan kerana ia hanya merujuk kepada perkara yang dituntut agar dilakukan secara mutlak menerusi dalil yang berstatus zhanni seperti Hadis Ahad dan Qiyas.

Sebaliknya, terdapat sejenis lagi hukum iaitu fardu yang mana merujuk kepada perkara yang dituntut agar dilakukan secara tegas oleh dalil yang berstatus qat'i seperti al-Quran, Hadis Mutawatir dan Hadis Masyhur. Namun demikian, dakwaan ini telah ditolak oleh jumhur ulama'.

Pembahagian Hukum Wajib

Para ulama' Usul Fiqh telah membahagikan hukum wajib kepada beberapa bahagian tertentu. Pembahagian kecil ini penting kerana ia turut memberi kesan kepada pelaksanaan hukum tersebut. Empat pembahagian hukum wajib adalah seperti berikut:

- a) Pembahagian wajib dari sudut ikatan waktu pelaksanaannya.
- b) Pembahagian wajib berasaskan penentuan kadar.
- c) Pembahagian wajib berasaskan penentuan jenis.
- d) Pembahagian wajib berasaskan pihak yang memikul tanggungjawab.

a) Wajib dari Sudut Ikatan Waktu Pelaksanaannya

Wajib dari sudut ini dibahagikan kepada dua, seperti berikut:

i) **Wajib Mutlaq**

Wajib mutlaq merujuk kepada perkara yang dituntut oleh syarak agar ia dilakukan tanpa diikat dengan waktu tertentu. Oleh yang demikian, seorang mukallaf dibenarkan melakukannya pada mana-mana waktu yang dingini. Namun begitu, dia digalakkan melakukannya dalam masa yang terdekat kerana kematian merupakan suatu perkara yang tidak boleh dijangka.

Antara contoh wajib mutlaq ialah mengqada'kan puasa bagi mereka yang telah meninggalkannya dengan keuzuran dan melunaskan hukuman kafarah bagi mereka yang melanggar sumpah.

ii) **Wajib Muqayyad**

Wajib muqayyad pula merujuk kepada perkara yang dituntut oleh syarak agar dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Seseorang mukallaf wajib melakukan perkara wajib tersebut dalam masa yang ditetapkan bagi mengelakkan balasan dosa.

Antara contoh wajib muqayyad ialah solat fardu, puasa Ramadan dan seumpamanya. Sehubungan dengan ini, jika seseorang mukallaf melakukan perkara wajib dengan sempurna dalam masanya yang telah ditetapkan, maka amalannya dianggap sebagai tunai (ada'). Namun, jika dia melakukannya buat kali yang kedua (ulangan) dalam masa yang masih berbaki, lantaran amalan yang pertama kali tidak memenuhi syarat maka tindakan ini dianggap sebagai ulangan (l'adah). Namun, jika dia telah melakukan perkara wajib tersebut di luar masa yang ditetapkan maka amalannya dianggap sebagai qada'.

b) Wajib Berasaskan Penentuan Kadar

Wajib dari sudut ini dibahagikan kepada dua, seperti berikut:

i) **Wajib Muhaddad**

Wajib muhaddad bermaksud perkara wajib yang telah ditetapkan kadarnya yang jelas oleh syarak. Selagi mana kewajipan yang dinyatakan gagal dilaksanakan mengikut kadar yang sepatutnya, maka bebanan tanggungjawab tersebut terus kekal dan dianggap sebagai hutang yang wajib dilunaskan.

Sebagai contoh, kadar pengeluaran zakat, kadar pembayaran diyat, kadar bayaran dalam transaksi jual beli yang telah dipersetujui dan sebagainya.

ii) Wajib Ghayr Muhaddad

Wajib ghayr muhaddad pula bermaksud perkara yang wajib dilakukan tanpa ditentukan kadarnya oleh syarak.

Sebagai contoh, bersedekah pada jalan Allah SWT di mana kadar sedekah yang wajib disumbangkan dalam keadaan ini adalah fleksibel, bergantung kepada keperluan semasa dan boleh berubah-ubah mengikut keadaan individu yang memerlukannya.

Perkara-perkara yang termasuk dalam kategori wajib ghayr muhaddad tidak boleh dianggap sebagai hutang yang boleh dituntut di kemudian hari jika hanya diberi dengan kadar yang sedikit kerana ia tidak mempunyai kadar tertentu seperti mana yang berlaku dalam wajib muhaddad.

c) Wajib Berasaskan Penentuan Jenis

Wajib dari sudut ini dibahagikan kepada dua, seperti berikut:

i) Wajib Mu'ayyan

Wajib mu'ayyan bermaksud suatu kewajipan yang dituntut oleh syarak agar dilakukan mengikut jenis yang telah ditetapkan tanpa diberi pilihan.

Sebagai contoh, solat dan puasa fardu, membayar zakat, membayar hutang dan seumpamanya. Selagi mana perlaksanaannya gagal dilakukan mengikut jenis yang telah ditetapkan, maka tanggungjawab untuk melakukannya akan terus terbeban.

Sebagai contoh, jika seorang mukalaf belum menunaikan solat fardu zohor dalam waktunya tetapi sebaliknya, dia telah mendirikan solat sunat rawatib dalam waktu yang sama, maka kewajipan untuk menunaikan solat zohor tersebut mash kekal menjadi tanggungjawabnya.

ii) Wajib Ghayr Mu'ayyan

Wajib ghayr mu'ayyan (atau wajib mukhayyar) bermaksud suatu kewajipan yang dituntut oleh syarak agar dilakukan tanpa dihadkan jenisnya. Sebaliknya, syarak telah memberikan hak kepada mukallaf untuk memilih salah satu kewajipan yang perlu dilakukan mengikut kemampuan.

Antara contohnya, kewajipan melunaskan salah satu daripada tiga bentuk kafarah sebagai hukuman akibat pelanggaran sumpah. Kafarah tersebut adalah sama ada memberikan makanan kepada 10 orang miskin; atau memberikan pakaian kepada mereka; atau membebaskan seorang hamba; atau jika dia masih tidak berkemampuan maka sebagai jalan terakhir, dia diwajibkan berpuasa selama tiga hari.

d) Wajib Berasaskan Pihak yang Memikul Tanggungjawab

Wajib dari sudut ini dibahagikan kepada dua, seperti berikut:

ii) Wajib 'Aini (Fardu 'Ain)

Wajib 'aini merupakan suatu kewajipan yang dikenakan oleh syarak ke atas setiap mukallaf di mana tanggungjawab untuk melaksanakannya terbeban di atas bahu masing-masing. Sebarang tindakan mewakili kewajipan ini dianggap terbatal dan tanggungjawab untuk melakukannya terus kekal di bahu mukallaf yang terlibat.

Antara contoh bagi kategori ini ialah kebanyakan ibadat-ibadat khusus seperti solat fardu, puasa di bulan Ramadan, menunaikan Haji dan sebagainya

iii) Wajib Kifa'i (Fardu Kifayah)

Wajib kifa'i bermaksud suatu kewajipan yang dibebankan ke atas ramai orang tetapi bukan untuk dilakukan oleh semua. Namun, ianya dikira mencukupi jika satu kelompok dalam masyarakat telah melaksanakannya sehingga baki ahli masyarakat yang lain dianggap terlepas daripada tanggungjawab tersebut. Namun demikian, jika tidak wujud seorang pun melakukan wajib kifa'i, dosa akibat meninggalkannya akan ditanggung oleh seluruh ahli masyarakat kerana mereka dianggap telah mengabaikan suatu kewajipan.

Contoh bagi kategori ini ialah kepakaran yang diperlukan dalam bidang peperangan, kehakiman, pengurusan, pengajian agama dan sebagainya. Walau bagaimanapun sebagai tambahan, status wajib kifa'i adakalanya boleh berubah menjadi wajib 'ain berasaskan keperluan.

Sebagai contoh, dalam keadaan negara diserang oleh musuh semua orang berkewajipan mempertahankannya kerana jika tidak, semua penduduk tanpa mengira peringkat dan pangkat akan menerima kesan negatifnya.

Konsep dan Pembahagian Hukum Sunat

Sunat atau juga dikenali sebagai nadb, nafilah, mustahab, tatawwu' dan fadilah dari sudut istilah bermaksud, "perkara yang dituntut oleh syarak agar dilakukan menerusi arahan yang tidak tegas". Justeru itu, individu yang melakukan perkara sunat akan menerima pujian dan diberikan ganjaran pahala, namun yang meninggalkannya tidaklah akan dikeji atau dianggap berdosa.

Antara contoh perkara sunat ialah solat rawatib, berpuasa pada hari ke 13, 14 dan 15 pada setiap bulan Hijrah, memberikan sedekah dan seumpamanya. Namun demikian, adakalanya tindakan meninggalkan perkara sunat keseluruhannya boleh mengundang kejian dan dosa kerana tindakan demikian seolah-olah cuba menafikan kewujudan suatu amalan keagamaan sedangkan ia telah ditetapkan oleh syarak menerusi dalil yang jelas.

Antara contohnya meninggalkan solat sunat rawatib terutamanya solat sunat sebelum solat subuh yang jarang sekali ditinggalkan oleh Rasulullah SAW.

Pembahagian Hukum Sunat

Tiga pembahagian hukum sunat adalah seperti berikut:

- a) Sunat Mu'akkadah
- b) Sunat Ghayr Mu'akkadah
- c) Sunat Zawa'id

a) Sunat Mu'akkadah

Sunat mu'akkadah bermaksud sunat yang sangat digalakkan daripada perkara keagamaan yang sering dilakukan oleh Rasulullah SAW dan jarang sekali ditinggalkannya.

Antara contoh bagi kategori sunat ini ialah solat sunat sebelum solat subuh, suruhan agar azan dilaungkan bagi setiap solat fardu, berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung sewaktu berwuduk dan seumpamanya.

b) Sunat Ghayr Mu'akkadah

Sunat ghayr mu'akkadah ialah suatu perkara keagamaan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, namun bukan secara konsisten.

Antara contohnya ialah solat sunat rawatib sebanyak empat rakaat sebelum solat Zohor dan Isyak, sedekah sunat, berpuasa sunat pada hari Isnin dan Khamis pada setiap minggu dan sebagainya.

c) Sunat Zawa'id

Sunat al-zawa'id atau fadilah iaitu suatu tindakan yang cuba mencontohi perlakuan Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian baginda sebagai seorang manusia.

Antara contoh bagi kategori sunat ini ialah mencontohi baginda dalam adab-adab makan dan minum, tidur, berjalan, corak berpakaian dan sebagainya.

Konsep dan Pembahagian Hukum Haram

Haram secara istilahnya bermaksud sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak agar ia ditinggalkan secara tegas. Sesiapa yang melakukannya dianggap penjenayah agama dan berhak menerima kejian dan balasan seksaan di akhirat kelak. Sebaliknya, sesiapa yang patuh dan tidak melakukan perkara haram maka layak menerima pujian dan ganjaran pahala.

Maksud haram seperti yang dinyatakan di atas sebenarnya ialah pengertian yang diberikan oleh jumhur ulama' di mana mereka tidak membezakan di antara perkara-perkara haram yang telah dilarang secara tegas sama ada menerusi dalil syarak yang berstatus qat'i seperti ayat al-Quran dan Hadis Masyhur mahupun menerusi dalil yang berstatus zhanni seperti Hadis Ahad dan qiyas.

Namun demikian, pandangan ini berbeza dengan apa yang dikemukakan oleh ulama' Hanafiyyah. Mereka telah membezakan di antara dua perkara tersebut. Bagi mereka, istilah "haram" hanya akan dilabelkan kepada perkara yang dilarang secara tegas menerusi dalil syarak yang qat'i.

Sebaliknya, perkara yang dilarang secara tegas menerusi dalil syarak yang berstatus zhanni dikenali sebagai makruh tahrim. Menurut mereka, status kekuatan dalil zanni kurang diyakini.

Pembahagian Hukum Haram

Dua pembahagian hukum haram adalah seperti berikut:

- a) Haram Lizatih
- b) Haram Lighayrih

a) Haram Lizatih

Haram lizatihi merujuk kepada perkara yang telah diharamkan pada asalnya kerana ia boleh memberikan kesan buruk atau jauh lebih banyak berbanding kesan baik yang mungkin wujud daripadanya.

Sebagai contoh, hukum arak adalah haram lizatihi kerana ia lebih banyak memberikan kesan negatif kepada peminumnya seperti hilang kewarasan akal, serta mencetuskan perbalahan dan ketagihan; sekalipun tidak dinafikan ia boleh memberikan sedikit kebaikan seperti untuk memanaskan badan. Seperti juga perzinaan, membunuh diri, mengahwini mahram, memakan riba dan sebagainya.

Sekiranya perkara-perkara haram lizatihi dilakukan tanpa sebarang alasan yang dibenarkan, maka hukumnya di sisi syarak adalah haram sama sekali. Sebagai contoh, pembelian barangan yang najis atau haram seperti arak adalah haram dan transaksi yang telah dilakukan dianggap sebagai tidak sah.

Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam perkahwinan sesama mahram secara sengaja telah menafikan hak pewarisan pusaka sebagai suami isteri adalah tidak wujud serta hak pensabitan nasab bagi anak yang lahir daripadanya serta hak-hak lain kerana persetubuhan yang dilakukan adalah dianggap zina.

b) Haram Lighayrih

Haram lighayrih pula merujuk kepada hukum bagi perkara yang pada asalnya adalah halal kerana ia memiliki kebaikan yang jauh lebih banyak berbanding keburukan serta tidak pula memberikan sebarang kemudaratan kepada manusia. Namun begitu, hukum bagi perkara tersebut kemudiannya berubah menjadi haram dengan sebab wujudnya faktor luaran.

Sebagai contoh, hukum melakukan transaksi jual beli adalah harus namun ia boleh menjadi haram lighayrih apabila dilakukan sewaktu azan dilaungkan. Alasannya ialah kerana perlakuannya pada waktu tersebut akan menyebabkan kelewatan daripada menunaikan solat fardu. Keadaan yang sama juga berlaku dalam kes peminangan kerana sekalipun ia merupakan suatu perkara yang disyariatkan (sunat), namun hukumnya boleh berubah menjadi haram jika ia dilakukan ke atas peminangan orang lain. Alasannya ialah kerana tindakan ini boleh mengakibatkan perasaan kurang puas hati dan permusuhan di kalangan mereka yang terlibat dalam peminangan tersebut.

Kes yang hampir sama juga dapat diperhatikan dalam perlakuan nikah cina buta bagi membolehkan suami yang telah menceraikan bekas isterinya dengan talak tiga, kembali kepadanya. Ini kerana sekalipun perkahwinan dan perceraian adalah suatu perkara yang disyariatkan, namun hukumnya boleh menjadi haram menerusi perlakuan cina buta. Alasannya, ia boleh dianggap sebagai suatu tindakan cuba mempermain-mainkan agama untuk kepentingan sendiri.

Berkenaan perkara yang dihukumkan sebagai haram lighayrih ini, para ulama' telah berselisih pandangan untuk menentukan sejauh mana kesan yang terhasil jika perkara tersebut dilakukan oleh seseorang. Menurut segolongan ulama', perkara atau perlakuan haram lighayrih masih boleh memberikan kesan yang perlu diambil kira.

Sebagai contoh, transaksi jual beli yang dilakukan sewaktu azan dilaungkan tetap dikira sebagai sah sekalipun hukumnya adalah haram dan mendatangkan dosa. Justeru itu, pemilikan terhadap barangan dan bayaran harganya tetap berpindah tangan sebagaimana transaksi yang dilakukan dalam keadaan biasa. Sebaliknya, segolongan ulama' yang lain pula berpandangan bahawa perkara haram lighayrih yang dilakukan tidak akan memberikan apa-apa kesan dan dianggap batal kerana ia telah melanggar peraturan syarak.

Sebagai contoh, perpindahan pemilikan dalam transaksi jual beli yang dilakukan sewaktu laungan azan adalah terbatal menyamai perkahwinan yang dilangsungkan dengan niat cina buta.

Konsep dan Pembahagian Hukum Makruh

Makruh merujuk kepada sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak agar ditinggalkan bukan dengan cara yang tegas dan pasti. Individu yang melakukan perkara yang makruh tidak akan menerima kejian mahupun sebarang dosa.

Namun demikian, individu yang meninggalkannya kerana Allah SWT, berhak mendapat pujian dan pahala kerana dia telah meninggalkan perkara yang kurang disenangi dalam agama.

Pembahagian Hukum Haram

Jumhur ulama' berpandangan bahawa hukum makruh tidak mempunyai apa-apa pecahan kecil. Namun, ulama' Hanafiyyah menegaskan bahawa makruh boleh dibahagikan kepada dua seperti berikut:

- a) Makruh Tahrim
- b) Makruh Tanzih

a) Makruh Tahrim

Makruh tahrim ditafsirkan oleh ulama' Hanafiyyah sebagai perkara yang dituntut oleh syarak agar ditinggalkan dengan tuntutan yang tegas menerusi dalil syarak yang berstatus zhanni seperti Hadis Ahad.

Antara contoh makruh dalam kategori ini ialah seperti meminang pinangan orang lain dan membeli barang yang telah dibeli oleh orang lain. Menurut mereka, makruh tahrimi menyamai

hukum wajib kerana kedua-duanya hanya bersandarkan kepada dalil syarak yang berstatus zanni.

b) Makruh Tanzih

Makruh tanzih pula di sisi mereka adalah hukum makruh yang sebenar seperti yang difahami oleh jumhur ulama' iaitu suatu perkara yang dituntut oleh syarak agar ditinggalkan bukan dengan cara yang tegas.

Konsep dan Pembahagian Hukum Harus

Harus merujuk kepada perkara yang diberikan pilihan oleh syarak kepada mukallaf sama ada ingin dilakukan atau ditinggalkan. Justeru itu, mukallaf yang terlibat dengan perkara yang diharuskan dalam syarak tidak akan menerima pujian jika dilakukannya atau berhadapan dengan kejian mahupun dosa jika dia ditinggalkan. Antara contoh perkara harus ialah perbuatan makan dan minum, bermain, mandi dan lain-lain perkara yang harus.

Namun demikian, seseorang mukallaf yang melakukan perkara harus adakalanya boleh mendapat pahala atau berhadapan dengan dosa di sebalik tindakannya jika disertakan dengan niat yang baik atau niat yang buruk.

Sebagai contoh, mukallaf boleh mendapat pahala di sebalik tindakan makan dan minumannya jika dia meniatkan sesuatu yang baik seperti untuk mendapatkan tenaga demi menunaikan ibadat. Sebaliknya, dia pula mungkin berhadapan dengan dosa jika dia berniat jahat seperti dia makan untuk mendapat bentuk tubuh yang sasa agar dikenali ramai. Selain itu, perkara yang dihukumkan sebagai harus juga boleh berubah menjadi haram jika ia dilakukan secara melampau seperti tabiat menyediakan makanan melebihi daripada keperluan sehingga menyebabkan pembaziran.

Sebagaimana maklum, hukum harus pada hakikatnya tidak termasuk dalam kategori hukum taklifi. Ini kerana hukum harus tidak memiliki ciri pentaklifan atau tanggungjawab yang dibebankan ke atas mukallaf seperti mana hukum wajib, sunat, haram dan juga makruh. Sebaliknya, harus merupakan suatu pilihan yang diberikan kepada mukallaf sama ada dia ingin melakukan sesuatu perkara atau tidak.

Namun demikian, para ulama' Usul tetap menganggap harus sebagai sebahagian daripada hukum taklifi kerana ia masih mempunyai perkaitan. Perkaitan yang dimaksudkan ialah hukum harus boleh disabitkan menerusi dalil syarak yang juga berbentuk arahan atau larangan yang biasanya boleh menghasilkan hukum wajib, sunat, haram dan makruh namun maksudnya telah dipesongkan kerana wujudnya qarinah/petunjuk yang menjadikan hukumnya tidak lagi mengandungi tuntutan yang pasti tetapi telah berubah kepada suatu keharusan. Sebagai contoh makan, minum, berehat dan lain-lain.

SESI KEEMPAT: HUKUM WAD'I, AL-HAKIM DAN AL-MAHKUM FIH

Pendahuluan

Pada sesi keempat ini, perbincangan akan dibuat menyentuh konsep hukum wad'i dan pembahagiannya seperti sah, fasad, batal, 'azimah dan rukhsah. Selain itu juga, sesi ini akan cuba menarik anda untuk memahami konsep al-Hakim iaitu satu-satunya pihak yang bertanggungjawab menentukan hukum untuk para mukallaf. Rentetan daripada itu, anda juga akan didedahkan kepada perbincangan mengenai konsep Mahkum Fih serta syarat-syarat yang akan menentukan kesahihannya untuk dipertanggungjawabkan ke atas mukallaf.

Hukum Wad'i dan Pembahagiannya

Hukum Wad'i sebagaimana yang difahami sebelum ini, bermaksud hukum ketentuan di mana Allah SWT menjadikan sesuatu perkara sebagai sebab kepada perkara yang lain atau syarat kepadanya atau halangan (mani') daripadanya.

Ketiga-tiga perkara ini iaitu sebab, syarat mahupun mani' dianggap sebagai hukum ketentuan kerana ia akan menentukan sah atau batalnya sesuatu hukum fiqh menerusi perkaitan yang dibina di antara dua perkara iaitu di antara sebab dan perkara yang disebabkan olehnya (musabbab), syarat dan perkara yang disyaratkan dengannya serta mani' dan perkara yang telah dihalang dengan kewujudannya.

a) Sebab

Sebab daripada segi bahasa bermaksud tali penghubung atau suatu perkara yang menjadi perantara kepada kewujudan perkara lain.

Dari segi istilah pula, sebab ditakrifkan sebagai suatu perkara yang dijadikan oleh syarak sebagai elemen yang menjadi penyebab kepada kewujudan hukum syarak.

Justeru itu, kewujudan suatu sebab menjadi faktor kepada wujudnya hukum (musabbab) yang berkaitan dengannya. Sebaliknya, ketiadaannya akan menyebabkan ketiadaan hukum. Hubungan ini berlaku sama ada dalam kuasa dan kawalan para mukallaf ataupun tidak.

Sebagai contoh, syarak telah menjadikan waktu gelincirnya matahari sebagai sebab kepada kewajipan mendirikan solat fardu zohor, perlakuan zina sebagai sebab kepada kewajipan melaksanakan hukuman hudud, penyakit gila sebagai sebab terhalangnya orang gila daripada menguruskan hartanya.

Menurut jumhur ulama' Usul Fiqh, sebab akan merangkumi kesemua faktor yang menentukan kewujudan sesuatu hukum atau sebaliknya, sama ada faktor tersebut dapat difahami secara logik oleh akal manusia atau tidak. Sebagai contoh, gelincir matahari menjadi sebab kepada kewajipan mendirikan solat fardu zohor meskipun kaitan antara keduanya tidak dapat difahami secara logik.

Pembahagian Sebab

Sebab terbahagi kepada beberapa jenis mengikut asas pembahagiannya sebagaimana berikut:

i) Sebab yang Boleh Dikawal oleh Mukallaf

Sebab yang boleh dikawal oleh mukallaf, merupakan sebab yang terhasil akibat tindakan yang dilakukan secara sengaja oleh mukallaf tanpa dipengaruhi faktor lain.

Sebagai contoh, tindakan seorang mukallaf untuk bermusafir. Permusafirannya menjadi sebab yang mengharuskan dia mendirikan solat fardu secara jamak atau/dan qasar. Begitu juga tindakan seseorang yang membunuh dengan sengaja dan bermotif jahat, menjadi sebab kepada pengenaan hukuman qisas ke atasnya. Bermusafir dan membunuh secara sengaja dalam contoh di atas merupakan sebab yang terhasil menerusi tindakan yang mampu dikawal oleh mukallaf, kerana kedua-duanya mampu di elak jika dia berkemahuan untuk berbuat demikian.

ii) Sebab yang Tidak Boleh Dikawal oleh Mukallaf

Manakala sebab yang tidak boleh dikawal oleh mukallaf bermaksud sebab yang berlaku di luar daripada kawalannya kerana dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perubahan cuaca dan alam.

Sebagai contoh, waktu gelincir matahari yang menjadi sebab kepada kewajipan mendirikan solat fardu zohor, munculnya anak bulan Ramadan menjadi sebab kepada kewajipan melaksanakan ibadah puasa, situasi terdesak (darurat) menjadi sebab kepada keharusan memakan bangkai, penyakit gila dan umur yang masih kecil menjadi sebab kepada wujudnya halangan ke atas orang gila dan kanak-kanak untuk menguruskan sendiri harta masing-masing.

iii) Sebab yang Memberi Kesan Kepada Hukum Taklifi

Sebab yang memberi kesan kepada hukum taklifi, dapat diterangkan menerusi tindakan syarak yang menjadikan kemampuan untuk berkahwin dan kemungkinan berlakunya zina sebagai sebab kepada kewajipan untuk berkahwin. Dalam hal ini, kewajipan berkahwin merupakan sejenis hukum taklifi yang mana kewujudannya telah disebabkan oleh kedua-dua sebab di atas.

iv) Sebab yang Memberi Kesan Kepada Hukum Wad'i

Sebab yang memberi kesan kepada hukum wad'i pula seperti tindakan syarak yang menetapkan perkahwinan sebagai sebab kepada timbulnya pelbagai kewajipan yang lain seperti pemberian mas kahwin, nafkah dan hak pewarisan harta. Dalam hal ini, perkahwinan dianggap sebagai sebab yang merupakan salah satu jenis hukum wad'i di mana ia menyebabkan kewajipan untuk melakukan perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan di atas.

b) Syarat

Syarat dari sudut bahasa boleh diertikan mewajibkan sesuatu dan kewajipan untuk melakukannya, dan perkataan jamaknya adalah al-syarat.

Manakala, dari segi istilah pula, syarat boleh ditakrifkan sebagai suatu ciri yang jelas lagi konsisten yang mana kewujudannya tidak mewajibkan wujudnya sesuatu hukum tetapi ketiadaannya (syarat) akan menyebabkan hukum tidak wujud.

Sebagai contoh, suci daripada hadas kecil dan besar adalah menjadi syarat kepada sahnya untuk melakukan ibadah solat. Dalam hal ini, kewujudan syarat tersebut dapat menentukan sama ada ibadat yang dimaksudkan menjadi sah atau tidak. Namun demikian, kewujudannya tidak bermaksud mewajibkan wujudnya solat. Dengan kata lain, seseorang mukallaf yang suci daripada kedua-dua hadas tidak perlu menunaikan solat fardu kerana semata-mata disebabkan oleh syarat yang dipenuhi. Ini kerana kewajipan solat sebenarnya ditentukan oleh kewujudan sesuatu sebab seperti gelincir atau terbenamnya matahari. Namun, untuk menjadikan sahnya solat yang dikerjakan semestinya dengan terlebih dahulu suci daripada hadas.

Syarat mempunyai sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan rukun dan sebab sekalipun ketiga-tiganya mempunyai sedikit persamaan. Antara contoh persamaan yang dimaksudkan ialah kewujudan ketiga-tiganya seperti gelincirnya matahari (sebab), wuduk (syarat) dan niat (rukun) akan menentukan wujudnya sesuatu hukum. Namun, antara ketiga-tiganya terdapat perbezaan.

Rukun meskipun suatu yang mesti ada, ia merupakan sebahagian daripada solat, sedangkan syarat (seperti wuduk) pula adalah suatu faktor luaran daripada solat. Sebaliknya, sebab pula berbeza daripada syarat dari aspek kewujudan sebab akan mewajibkan kewujudan sesuatu hukum seperti gelincirnya matahari dengan kefarduan zohor, sedangkan kewujudan syarat tidak mewajibkan wujudnya solat zohor.

Selain itu, jumhur ulama' juga menegaskan bahawa jika sesuatu amalan mengalami kepincangan sama ada pada salah satu syarat mahupun rukunnya, amalan tersebut akan menjadi batal dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada mukallaf yang terlibat. Namun demikian, para ulama' Hanafiyyah telah mengemukakan pandangan yang berbeza di mana mereka mendakwa hanya amalan yang mengalami kepincangan pada rukunnya sahaja dianggap sebagai batal. Sebaliknya, bagi amalan yang mengalami kepincangan pada syaratnya, ia tetap dianggap sebagai sah tetapi dilabelkan sebagai fasid.

Pembahagian Syarat

Para ulama' telah membahagikan syarat kepada beberapa pembahagian mengikut aspek yang dilihat seperti berikut:

i) Pembahagian Syarat dari Sudut Kesannya kepada Hukum dan Sebab

Syarat jika dilihat dari sudut kesannya kepada hukum dan sebab akan terbahagi kepada dua; **syarat kepada sesuatu hukum** dan **syarat kepada sesuatu sebab**.

Contoh bagi syarat kepada hukum seperti cukup haul (tempoh setahun) kepada hukum wajib mengeluarkan zakat di mana kewujudannya (cukup haul) akan menentukan wujudnya kewajipan zakat.

Manakala contoh bagi syarat kepada sebab pula seperti status sudah berkahwin yang menjadi syarat kepada sebab wajibnya pelaksanaan hukuman rejam ke atas pezina. Ini kerana sekalipun sebab (zina) kepada kewajipan pelaksanaan hukuman tersebut telah wujud namun ia masih bergantung kepada syarat status pezina itu sendiri. Sekiranya, dia masih bujang maka hukumannya adalah 100 kali sebatan, tetapi sebaliknya jika dia telah berkahwin dia akan dikenakan hukuman rejam.

ii) Pembahagian Syarat dari Sudut Sumber Asal

Syarat jika dilihat dari sudut sumber asalnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu **syarat syar'i** dan **syarat ja'li**.

Syarat syar'i bermaksud, syarat yang ditetapkan oleh syarak menerusi kenyataan dalam dalil. Sebagai contoh, kewajipan berwuduk semasa ingin menunaikan solat.

Syarat ja'li pula bermaksud syarat yang ditetapkan oleh seseorang mukalaf. Antara contohnya seperti syarat yang dikemukakan oleh seorang pembeli kepada penjual peti ais agar ia dihantar ke rumahnya dengan percuma dan diberikan jaminan daripada kerosakan selama setahun.

Walau bagaimanapun, keharusan menetapkan syarat ja'li tetap tertakluk kepada segala peraturan syarak kerana jika ia didapati bercanggah dengannya maka ia akan terbatal secara automatik. Sebagai contoh, penetapan syarat oleh suami agar isterinya boleh terus disetubuhi sekalipun setelah dia diceraikan adalah suatu syarat ja'li yang terbatal.

c) Mani' (halangan)

Mani' ialah suatu perkara yang dijadikan oleh syarak sebagai halangan sama ada kepada kewujudan hukum atau kewujudan sebab. Daripada takrifan ini, mani' terbahagi kepada dua seperti berikut:

- i) Mani' kepada Hukum
- ii) Mani' kepada Sebab

i) Mani' kepada Hukum

Mani' kepada hukum bermaksud suatu perkara yang dijadikan oleh syarak sebagai penghalang kepada wujudnya hukum sekalipun sebab yang mendorong hukum berkenaan telah wujud. Sebagai contoh, jumhur ulama' menegaskan bahawa hubungan kebapaan boleh menjadi penghalang atau mani' kepada kewajipan melaksanakan hukuman qisas ke atas seorang bapa yang membunuh sekalipun sebab yang mendorong pelaksanaan hukuman tersebut iaitu "pembunuhan dilakukan secara sengaja dan dengan motif jahat" telah wujud.

Contoh seterusnya seperti kedatangan haid dan nifas yang menjadi mani' kepada kewajipan menunaikan solat sekalipun sebab kepada kewajipan tersebut iaitu masuknya waktu telah wujud.

ii) Mani' kepada Sebab

Mani' kepada sebab pula bermaksud suatu perkara yang dijadikan oleh syarak sebagai penghalang kepada kewujudan sebab. Sebagai contoh, hutang adalah mani' kepada pemilikan nisab yang merupakan sebab kepada kewajipan menunaikan zakat. Ini kerana sekalipun harta seseorang mukalaf pada zahirnya didapati telah mencapai kadar nisab yang wajib dikeluarkan zakat tetapi oleh kerana tanggungan hutang yang dipikul olehnya, boleh menjadi penghalang kepada kewajipan tersebut. Alasannya kerana hutang tersebut akan mengurangkan hartanya sehingga menyebabkan jumlahnya tidak lagi mencapai kadar nisab zakat yang telah ditetapkan. Lantaran itu, sebab yang mewajibkan pengeluaran zakat tidak lagi wujud kerana ia telah dihalang dan dinafikan oleh mani' iaitu hutang yang tertanggung sehingga mengurangkan jumlah nisab hartanya.

Hukum Wad'i Tambahan

Selain jenis-jenis hukum wad'i yang diterangkan sebelum ini, terdapat beberapa lagi hukum wad'i tambahan yang turut dikemukakan oleh para ulama' Usul Fiqh iaitu sah, fasad, batal, 'azimah dan rukhsah. Perbincangan mengenai setiap satu jenis hukum wad'i ini adalah seperti berikut:

a) Sah

Sah ditakrifkan sebagai suatu keadaan bagi perbuatan yang mana telah dilakukan menepati kehendak syarak.

Apabila sesuatu perbuatan dilakukan mengikut segala kehendak dan cara yang ditetapkan oleh syarak, ia dianggap sebagai perbuatan yang sah dan memberikan kesan syari'e. Sebagai contoh, jika suatu barang dibeli oleh seorang mukallaf secara sah maka tindakan ini telah memberikannya hak pemilikan ke atas barangan tersebut dan dia bebas menggunakannya.

Contoh lain pula, tindakan seseorang mukallaf menunaikan solat fardu zohor dengan mematuhi segala rukun dan syarat yang ditetapkan maka solatnya tadi dianggap sebagai sah (sah) dan terlepaslah dia dari bebanan menunaikannya.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa sah dapat ditafsirkan sebagai hukum kepada perkara yang dilakukan mengikut cara yang ditetapkan oleh syarak iaitu dengan melakukan segala rukun dan mematuhi syarat-syaratnya sehingga kesan-kesan syari'e daripada tindakannya dapat diperolehi.

Takrifan ini sebenarnya telah dikemukakan oleh jumhur ulama' kerana mereka menegaskan bahawa mana-mana perbuatan sama ada yang berkaitan dengan ibadah mahupun muamalat yang mengalami kepincangan sama ada pada syarat atau rukunnya, dianggap sebagai batal atau fasad.

Lantaran itu, mereka menghukumkan solat yang tidak cukup syarat seperti ia ditunaikan tanpa wuduk adalah batal dan fasad. Hukum in samalah seperti solat yang ditunaikan tanpa rukun seperti tanpa melakukan qiyam atau rukuk.

Namun demikian, golongan Hanafiyyah telah memberikan penjelasan yang berbeza terhadap istilah batal dan fasad. Bagi mereka, hukum sahih atau batal diguna pakai dalam perkara berkaitan ibadah. Akan tetapi, penentuan hukum dalam bidang muamalat boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu hukum sahih, batal dan fasad.

Sebagai contoh, hukum batal dalam bidang muamalat terhasil apabila kepincangan berlaku pada asas atau rukun bagi sesuatu akad seperti kecacatan pada sighth (ijab dan qabul), pada dua pihak yang berakad (pembeli dan penjual) atau perkara (barangan) yang diakadkan. Amalan berkenaan dianggap sebagai batil dan tidak akan menghasilkan apa-apa kesan. Antara contoh amalan yang batal ialah transaksi yang dilakukan oleh orang gila dan kanak-kanak yang belum mumayyiz; atau melibatkan barangan yang tidak wujud seperti anak haiwan di dalam Rahim ibu dan seumpamanya.

b) Fasad

Fasad pula ditakrifkan oleh mereka sebagai hukum yang diputuskan ke atas suatu perkara yang mengalami kepincangan pada salah satu daripada ciri atau syarat bagi akad.

Namun demikian, kepincangan yang berlaku kepada syarat dalam sesuatu akad masih mampu menghasilkan sesetengah kesan syari'e jika perkara-perkara rukun yang berkaitan dengannya telah disempurnakan dengan baik.

Sebagai contoh, pembelian barangan dengan harga yang tidak ditetapkan dianggap sebagai fasid kerana penentuan kadar harganya tidak wujud. Ini kerana sekalipun rukun bagi akad tersebut (iaitu harga) wujud namun syaratnya masih pincang disebabkan kadarnya tidak ditentukan. Akan tetapi, akad in masih boleh menghasilkan sesetengah kesan syari'e seperti perpindahan hak pemilikan ke atas barang tersebut daripada penjual kepada pembeli jika pembeli bertindak mengambilnya setelah mendapat keizinan penjual.

Keadaan yang sama berlaku dalam kes perkahwinan yang berlangsung tanpa kehadiran saksi yang merupakan syarat sah perkahwinan. Namun demikian, sekalipun perkahwinan ini dianggap sebagai fasad, ia mampu menghasilkan sesetengah kesan syari'e sekiranya persetubuhan telah berlaku. Kesan syari'e yang dimaksudkan ialah kewajipan suami untuk membayar bayaran mas kahwin kepada isterinya, kewajipan isteri untuk beriddah setelah dipisahkan dan hak menasabkan anak yang dilahirkan.

Konsep sah dan batal menurut jumhur ulama';

- i) Sah (Ibadah dan Muamalat)
- ii) Batal (Ibadah dan Muamalat)

Konsep sah, batal dan fasid pada ulama' Hanafi;

- i) Sah (Ibadah dan Muamalat)
- ii) Batal (Ibadah dan Muamalat)

iii) Fasid (Muamalat)

c) Azimah

Azimah bermaksud perkara yang disyariatkan sebagai hukum asal yang umum (kuliyyah).

Ia menjadi suatu peraturan umum ke atas setiap mukallaf dalam semua urusannya seperti arahan asal supaya menunaikan solat, zakat dan amalan-amalan lain yang merupakan syiar kepada agama Islam.

Sehubungan dengan ini, kategori bagi perkara yang dianggap sebagai 'azimah boleh dibahagikan kepada lima hukum iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan juga harus mengikut kesesuaiannya dalam syarak.

d) Rukhsah

Rukhsah pula ditakrifkan sebagai hukum-hukum pengecualian yang disyariatkan oleh Allah SWT kerana kesulitan yang dihadapi oleh para hambaNya dalam menunaikan kewajipan yang bersifat azimah.

Antara contoh amalan rukhsah seperti keharusan mengaku kufur ketika mana dipaksa dan diancam bunuh. Dalam kes ini, faktor yang membenarkan perlakuan tersebut ialah wujudnya paksaan dan ancaman bunuh ke atas mukallaf sedangkan hukum asalnya haram melakukan demikian.

Pembahagian Rukhsah

Rukhsah dibahagikan kepada empat, iaitu:

- i) **Wajib** - seperti tindakan memakan bangkai oleh individu yang menghadapi kebuluran demi menjaga nyawanya. Ini berdasarkan firman Allah SWT: “dan janganlah kamu menjerumuskan dirimu ke arah kebinasaan”
- ii) **Sunat** - seperti tindakan mengasarkan solat fardu oleh musafir apabila jarak perjalanannya diandaikan melebihi daripada tiga hari. Hukum sunat bagi kategori rukhsah ini adalah berdasarkan kepada kata-kata Umar al-Khattab: “ia adalah suatu pemberian yang diberikan oleh Allah SWT kepada kamu semua, maka terimalah pemberianNya”
- iii) **Harus** - seperti tindakan melakukan transaksi Bai' al-Salam, sewa beli dan sebagainya. Sekalipun, kategori rukhsah ini pada asalnya dilarang namun ia telah dikecualikan dan dianggap sebagai harus kerana masyarakat perlu mengamalkannya bagi mengelak kesulitan dalam kehidupan muamalat seharian
- iv) **Khilaf awla atau menyalahi hukum yang lebih patut** - seperti tindakan seorang musafir membuka puasanya ketika perjalanan sekalipun dia tidak menanggung sebarang kesulitan untuk meneruskan puasanya. Hukum ini adalah berdasarkan firman Allah SWT: “dan jika kamu berpuasa maka ia adalah lebih baik bagimu...”

Konsep Al-Hakim

Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, hukum merupakan khitab Allah SWT yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf sama ada ia dinyatakan dalam bentuk iqtida', takhyir mahupun wad'i. Justeru itu, takrifan ini telah menjelaskan secara tidak langsung bahawa hak untuk menentukan hukum syarak adalah menjadi milik mutlak bagi Allah SWT sahaja. Ini kerana Nabi Muhammad SAW sendiri hanya berperanan sebagai penyampai mesej Allah SWT sama ada menerusi ayat-ayat al-Quran mahupun Sunnah yang telah diriwayatkan daripada Rasulullah SAW.

Tambahan pula, Sunnah itu sendiri pada hakikatnya merupakan salah satu bentuk wahyu seperti mana yang dijelaskan oleh firman Allah SWT: "Dan dia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berkaitan dengan agama) menurut kemahuan nafsu; (tetapi sebaliknya) segala yang diperkatakan olehnya itu (sama ada al-Quran mahupun Sunnah) tidak lain hanyalah merupakan suatu wahyu yang diwahyukan (kepadanya)" (al-Najm 53:3-4). Perkara ini telah disepakati oleh para ulama dalam Islam.

Namun demikian, para ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan sama ada akal juga boleh berperanan untuk menentukan sesuatu hukum ataupun tidak iaitu sebelum daripada kedatangan Rasul. Lantaran itu, persoalan ini telah menyebabkan pandangan ulama' terbahagi kepada tiga iaitu pandangan yang diutarakan oleh golongan Muktazilah, Asya'irah dan juga Maturidiyyah.

i) Golongan Muktazilah

Menurut golongan pertama iaitu Muktazilah, akal mampu berperanan secara bersendirian untuk menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu adalah baik atau sebaliknya, sekalipun sebelum kedatangan Rasul yang membawa petunjuk. Dengan kata lain, mereka menganggap setiap perbuatan adalah bersifat logikal secara mutlak di mana baik buruknya dapat ditentukan oleh akal dengan berdasarkan kepada ciri-ciri perbuatan itu sendiri dan kesan yang terhasil daripadanya.

Justeru itu, sesuatu perbuatan yang dianggap baik oleh akal akan memberikan pahala kepada pelakunya dan balasan syurga di akhirat. Sebaliknya, perbuatan yang dianggap buruk oleh akal pula akan memberikan dosa dan azab neraka kepadanya. Justeru itu, mereka menganggap sesuatu perbuatan yang dianggap baik secara logik adalah sememangnya baik juga di sisi Allah SWT dan wajib dilakukan oleh mukallaf.

Sebaliknya, jika perbuatan tersebut dipandang buruk oleh akal maka ia pastinya juga dianggap buruk di sisi Allah SWT dan wajib di jauhi. Manakala bagi perbuatan yang tidak mampu difikirkan oleh akal contohnya dalam sesetengah persoalan berkaitan ibadah, maka kenyataan yang dikemukakan oleh syarak merupakan penjelas kepada sifat perbuatan tersebut dan kesannya sama ada baik mahupun buruk.

Sebagai kesimpulan kepada pandangan golongan Muktazilah, penentuan hukum terhadap sesuatu perbuatan mestilah berpadanan dengan logik akal. Justeru itu, mereka menegaskan bahawa seseorang manusia tetap dianggap sebagai mukallaf dan boleh dibebankan dengan tanggungjawab agama sekalipun sebelum kedatangan Rasul atau kedatangan dakwah

kepadanya. Ini kerana akalnya dianggap mampu menentukan kewajaran dan baik buruknya sesuatu perbuatan seperti yang diterangkan sebelum ini.

ii) **Golongan Asya'irah**

Manakala golongan kedua pula iaitu Asya'irah menegaskan bahawa akal tidak berhak menentukan hukum syarak secara bersendirian. Ini kerana hukum syarak mesti ditentukan menerusi perantaraan Rasul dengan berdasarkan petunjuk wahyu yang dibawa. Justeru itu, setiap perbuatan tidak boleh dikatakan bersifat logikal secara mutlak sehingga boleh mempengaruhi penentuan hukum.

Sebaliknya, sesuatu perbuatan itu hanya dianggap baik setelah ia diakui oleh syarak dan mengarahkannya agar dilakukan. Namun, jika ianya dilarang oleh syarak maka ia pastinya adalah buruk dan wajib dijaui sekalipun akal menganggapnya baik atau tidak mampu memahami kewajarannya.

Lantaran itu, golongan Asya'irah menegaskan bahawa pentaklifen hukum syarak ke atas mukallaf tidak wujud selagi mana Rasul belum diutuskan atau seruan dakwah masih tidak sampai kepadanya. Balasan pahala dan syurga atau dosa dan neraka juga tidak akan disabitkan ke atas dirinya kerana faktor yang mewajibkan pentaklifen adalah tidak wujud

iii) **Golongan Maturidiyyah**

Golongan ketiga pula iaitu Maturidiyyah pula berpandangan bahawa akal mampu menilai sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk berdasarkan sifat perbuatan tersebut dan kesan yang terhasil daripadanya. Namun demikian, penilaian yang dibuat oleh akal tidaklah secara automatik akan mempengaruhi penentuan hukumnya di sisi syarak.

Sebagai contoh, sesuatu perbuatan yang dianggap baik oleh akal tidak semestinya turut dianggap baik di sisi syarak. Begitulah juga sesuatu perbuatan yang dianggap buruk oleh akal tidak semestinya juga dianggap buruk oleh syarak. Ini kerana secerdas mana pun akal, kemampuannya adalah terbatas. Justeru itu, penentuan baik buruk bagi sesuatu perbuatan atau natijah pahala mahupun dosa daripadanya adalah tetap menjadi hak mutlak bagi Allah SWT. Oleh yang demikian, golongan ini menegaskan bahawa pentaklifen ke atas mukallaf tidak wujud selagi mana Rasul belum diutuskan atau seruan dakwah tidak sampai kepadanya.

Dalam membincangkan ketiga-tiga pandangan ini, pandangan golongan Maturidiyyah dilihat paling tepat memandangkan ia selari dengan keterangan daripada al-Quran dan disokong dengan hujah akal. Merujuk kepada keterangan daripada al-Quran, Allah SWT sendiri menyuruh hambanya agar melakukan perkara yang baik dan menjauhi perkara yang buruk sekalipun hukum mengenainya belum dijelaskan.

Manakala merujuk kepada hujah akal pula, seseorang mukallaf pastinya mampu mengenal pasti sesetengah perkara yang baik mahupun buruk dengan mudah berdasarkan kewajarannya secara logik. Akan tetapi, sekalipun perkara-perkara di atas mampu dinilai berdasarkan logik, namun ia tetap tidak boleh ditaklifen ke atas mukallaf selagi mana Rasul belum diutuskan atau mukallaf yang terlibat masih belum menerima seruan dakwah.

Konsep Al-Mahkum Fih

Al-Mahkum Fih atau al-Mahkum Bih merupakan konsep ketiga selepas Hukum dan al-Hakim. Ia dapat didefinisikan sebagai perkara yang ingin disampaikan menerusi khitab atau perintah Allah SWT kepada para mukallaf. Berdasarkan definisi ini, al-Mahkum Fih boleh dianggap sebagai subjek hukum yang akan disabitkan dengan sesuatu hukum sama ada ia dinyatakan dalam bentuk iqtida', takhyir dan wad'i.

Sebagai contoh, firman Allah SWT: "Dirikanlah solat" mengandungi arahan untuk menunaikan solat fardu yang mana ia merupakan al-Mahkum Fih yang disabitkan dengan hukum wajib. Dari perspektif hukum taklifi, al-Mahkum Fih hanya merujuk kepada perbuatan yang mampu dilakukan oleh mukallaf seperti menunaikan solat atau melangsaikan bayaran zakat daripada hartanya.

Namun demikian, perbincangan al-Mahkum Fih dari perspektif hukum wad'i tidak hanya merujuk kepada perbuatan mukallaf semata-mata, bahkan ia turut merangkumi faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perbuatan mukallaf sama ada ianya dalam bentuk sebab, syarat mahupun mani'. Sebagai contoh, kemunculan anak bulan Ramadan merupakan al-Mahkum Fih yang mana ia menjadi sebab yang mewajibkan seseorang mukallaf menunaikan ibadat puasa.

a) Syarat-Syarat al-Mahkum Fih

Dalam membincangkan persoalan al-Mahkum Fih, anda juga perlu memahami bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga syarat yang perlu dipenuhi untuk memperakukan sesuatu perbuatan sebagai al-Mahkum Fih yang boleh ditaklifkan ke atas mukallaf dari kaca mata syarak. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, al-Mahkum Fih atau sesuatu perbuatan yang ditaklifkan mestilah benar-benar diketahui dan difahami sepenuhnya oleh mukallaf agar dia dapat melakukannya mengikut cara yang sepatutnya.

Kedua, mukallaf yang terlibat mestilah mengetahui bahawa perkara yang ditaklifkan itu datang daripada pihak yang berkuasa untuk mentaklifkan sehingga segala taklif itu wajib diikuti.

Ketiga, al-Mahkum Fih atau perbuatan yang akan ditaklifkan mestilah berada dalam kemahuan dan kawalan seseorang mukallaf. Dengan kata lain, dia mestilah mampu untuk memilih sama ada untuk melakukan perbuatan tersebut atau meninggalkannya mengikut keinginan sendiri. Justeru itu, jumhur ulama' menegaskan bahawa pentaklifan yang melibatkan perkara yang mustahil adalah tidak sah.

b) Jenis-Jenis al-Mahkum Fih

Al-Mahkum Fih dapat dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

i) Perkara yang menjadi hak Allah

Pertama, perkara yang menjadi hak Allah SWT sebenarnya merujuk kepada hak masyarakat. Namun demikian, hak ini sengaja disandarkan kepada Allah SWT memandangkan ia boleh memberikan kesan yang menyeluruh kepada umat manusia. Justeru itu, hak ini tidak boleh diketepi atau digugurkan dengan sengaja sekalipun oleh individu yang terlibat dengannya.

Antara contoh hak Allah SWT seperti yang disenaraikan oleh para ulama' ialah:

Pertama, ibadah-ibadah khusus seperti yang berkaitan keimanan dan rukun-rukun Islam.

Kedua, ibadah yang mengandungi unsur *mu'unah* (pembayaran) yang perlu dilunaskan demi menjaga kepentingan nyawa dan harta iaitu seperti penunaian zakat fitrah.

Ketiga, *mu'unah* yang mengandungi unsur ibadah seperti pembayaran kadar 1/10 atau 1/20 daripada hasil pertanian.

Keempat, *mu'unah* yang mengandungi unsur hukuman seperti pembayaran *kharaj* atau cukai tanah.

Kelima, hukuman yang memberi kesan yang maksimum seperti hudud ke atas penzina, pencuri dan peminum arak.

Keenam, hukuman yang memberi kesan berbentuk pengurangan seperti hukuman hilang kelayakan menerima harta pusaka ke atas pembunuh.

Ketujuh, hukuman yang mengandungi unsur ibadah seperti kafarah terhadap pelanggaran sumpah, zihar dan pembunuhan tidak sengaja.

Kelapan, hak yang tersendiri yang mana tidak mempunyai kaitan dengan zhimmah (tanggungjawab) hamba iaitu seperti bayaran 1/5 daripada harta *ghanimah* (rampasan perang), harta karun dan galian.

ii) Perkara yang menjadi hak hamba

Kedua, perkara yang menjadi hak hamba yang merujuk kepada hak atau kepentingan seseorang individu. Antara contoh hak ini ialah hak untuk mendapatkan ganti rugi terhadap barangan yang dirosakkan oleh individu lain, hak pemilikan terhadap barangan yang dibeli atau bayaran terhadap barangan yang dijual dan seumpamanya.

Dalam hal ini, pemilik kepada hak yang tersebut di atas memiliki kebebasan untuk memanipulasi haknya mengikut kehendak sendiri selagi mana ia tidak melanggar Batasan syarak. Justeru itu, dia berhak sama ada untuk menggunakan haknya atau menggugurkan dengan rela.

iii) Perkara yang mengandungi kedua-dua hak Allah SWT dan hak hamba tetapi hak Allah SWT lebih menonjol

Ketiga, perkara yang mengandungi kedua-dua hak Allah SWT (masyarakat) dan hak hamba tetapi hak Allah SWT lebih menonjol, adalah merujuk kepada hukuman hudud terhadap qazaf iaitu sebatan 80 kali rotan yang dikenakan ke atas pesalah yang menuduh individu suci sebagai penzina. Ini kerana perlaksanaan hukuman ini adalah bermatlamat untuk menjaga kepentingan kedua-dua hak masyarakat dan juga hak individu yang dituduh sebagai penzina.

Namun demikian, para ulama' melihat hak atau kepentingan masyarakat adalah lebih menonjol dalam perlaksanaan hukuman qazaf kerana ia mampu mengelak daripada

berlakunya kekecohan dalam kehidupan bermasyarakat. Sebaliknya, kepentingan hak individu yang dituduh sebagai pezina dilihat kurang menonjol kerana natijah buruk yang diterimanya seperti nama baik yang tercemar adalah hanya terhad kepada dirinya sahaja.

Justeru itu, pelaksanaan hukuman qazaf ke atas pesalah dianggap lebih mirip sebagai hak Allah SWT atau masyarakat dan ia tidak boleh digugurkan oleh mana-mana individu sekalipun oleh individu yang telah dituduh sebagai pezina.

- iv) Perkara yang mengandungi kedua-dua hak, namun hak hamba yang lebih menonjol**
- Keempat, perkara yang mengandungi kedua-dua hak Allah SWT (masyarakat) dan hak hamba tetapi hak hamba lebih menonjol pula adalah merujuk kepada pelaksanaan hukuman qisas ke atas pesalah yang melakukan pembunuhan dengan sengaja. Dari satu sudut, pelaksanaan hukuman ini mengandungi hak Allah SWT kerana ia bertujuan untuk menjaga keamanan dalam masyarakat dan mengurangkan kegiatan jenayah. Akan tetapi, dari sudut yang lain, perlaksanaannya bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan hamba iaitu meredakan perasaan marah dan dendam ahli keluarga mangsa yang dibunuh.

Namun demikian, hak atau kepentingan hamba dalam hal ini dilihat lebih menonjol berbanding hak Allah SWT kerana kesannya lebih ditanggung oleh individu yang telah dibunuh dan ahli keluarganya. Ini kerana jika hukuman qisas tidak dilaksanakan ke atas pembunuhnya maka perasaan marah dan dendam ahli keluarga si mati akan berterusan dan ini akan mendorong mereka membalas dendam dengan cara sendiri.

Memandangkan qisas dianggap sebagai hak hamba maka perlaksanaannya hanya boleh dijalankan setelah mendapat permintaan daripada pihak waris si mati. Sebaliknya, jika mereka memaafkan si pembunuh maka hukuman qisas boleh digugurkan daripadanya dan diganti dengan hukuman takzir mengikut budi bicara hakim.

SESI KELIMA: AL-MAHKUM 'ALAIH

Pendahuluan

Dalam membincangkan mengenai konsep hukum, anda juga perlu memahami satu lagi konsep yang mempunyai hubungan dengannya iaitu al-Mahkum 'Alayh atau latar belakang seseorang yang boleh dianggap sebagai mukallaf. Untuk melayakkan mereka menjadi mukallaf, mereka perlu memenuhi beberapa syarat yang digariskan oleh syarak.

Pada sesi kelima ini, perbincangan juga turut merangkumi persoalan al-Ahliyyah atau kapasiti individu untuk melaksanakan tanggungjawab agama. Lanjutan daripada itu, anda akan didedahkan dengan perbincangan mengenai al-'Awarid, iaitu elemen-elemen yang boleh mempengaruhi dan menghalang proses pentaklifan ke atas seseorang individu. Al-'Awarid pula terbahagi kepada dua iaitu al-'Awarid al-Samawiyyah dan al-'Awarid al-Muktasabah. Kesemua persoalan yang dibangkitkan di atas akan dibincangkan pada sesi kali ini.

Konsep dan Syarat al-Mahkum 'Alaih

Istilah al-Mahkum 'Alayh merujuk kepada mukallaf atau individu yang layak dibebankan dengan tanggungjawab agama. Namun begitu, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi oleh individu berkenaan sebelum dia boleh dianggap sebagai mukallaf. Syarat tersebut adalah seperti berikut:

Syarat Pertama

Individu berkenaan mesti berkemampuan untuk memahami kandungan dalil syarak atau perintah Allah SWT terhadap dirinya. Kemampuan ini diukur dari kemampuan akal yang dimiliki. Memandangkan kemampuan akal suatu yang tersembunyi, maka syarak menetapkan had umur baligh sebagai petunjuk kepada kewujudan akal dan kemampuannya untuk memahami sesuatu. Justeru, apabila seseorang individu mencapai umur baligh dan akalnya tidak mengalami sebarang kecacatan, dia dianggap sebagai mukallaf.

Oleh yang demikian, kanak-kanak dan orang gila tidak dianggap mukallaf kerana akal mereka tidak memiliki kemampuan untuk berfikir secara normal. Namun demikian, ini tidak bermakna kedua-duanya bebas melakukan sesuatu tindakan sekalipun boleh memudaratkan individu lain seperti merampas hak atau memusnahkan barangan milik orang lain. Dalam keadaan demikian, mereka tetap dipertanggungjawabkan terhadap apa yang berlaku kerana ia adalah natijah daripada tindakan mereka sendiri. Cuma pertanggungjawaban ini tidak ditanggung oleh mereka secara langsung tetapi ditanggung oleh para wali atau ahli waris yang memegang tanggungjawab untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul bagi pihak mereka.

Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak kecil merosakkan mainan di sebuah kedai, maka walinya wajib membayar ganti rugi terhadap mainan tersebut yang mana bayarannya diambil daripada harta kanak-kanak sekiranya ada.

Orang yang berada dalam keadaan tidur, terlupa mahupun mabuk juga tidak boleh dianggap mukallaf kerana kesemua mereka tidak mampu mengetahui apa yang sedang berlaku. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW sendiri:

“Qalam diangkat (yakni dikecualikan daripada dosa) daripada tiga golongan: yang tidur sehingga dia terjaga, kanak-kanak sehingga dia baligh dan orang gila sehingga dia sedar (sembuh daripada penyakit gilanya)”.

Syarat Kedua

Individu berkenaan hendaklah memiliki al-Ahliyyah atau kelayakan untuk memikul bebanan atau tanggungjawab agama. Al-Ahliyyah atau kelayakan ini akan diperoleh oleh seseorang mukallaf menerusi akal dan kefahamannya terhadap tanggungjawab agama yang dibebankan ke atasnya. Justeru itu, topik yang seterusnya akan mengajak anda untuk memahami konsep al-Ahliyyah dan jenis-jenisnya dari kaca mata syarak.

Jenis-Jenis Al-Ahliyyah dan Pembahagiannya

Al-Ahliyyah dari sudut bahasa boleh diertikan sebagai kesesuaian seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara atau untuk dituntut melakukan sesuatu.

Manakala dari segi istilah pula, al-Ahliyyah merujuk kepada kesesuaian individu untuk berhadapan dengan kewajipan atau hak yang boleh menjadi miliknya atau berhak dituntut daripadanya.

Dalam membincangkan isu ini, para ulama' telah membahagikan al-Ahliyyah kepada dua jenis seperti berikut:

a) Ahliyyah al-Wujub

Ahliyyah al-Wujub dapat ditakrifkan sebagai kesesuaian individu untuk menerima sesuatu hak dan diwajibkan melaksanakan sesetengah kewajipan. Jenis ahliyyah ini juga boleh dikenali sebagai zhimmah dan ia dianggap wujud pada diri setiap manusia sejak dari saat dia mula bernyawa dalam rahim ibunya sehinggalah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Asas kepada kewujudan Ahliyyah al-Wujub ialah nyawa yang dimiliki oleh setiap manusia sekalipun dia masih belum menjadi mukallaf.

b) Ahliyyah al-Ada'

Ahliyyah al-Ada' pula boleh diertikan sebagai kesesuaian seseorang dalam melakukan sesuatu sehingga ia boleh dianggap sah oleh syarak. Jenis Ahliyyah ini juga boleh dikenali sebagai mas'uliyah atau tanggungjawab. Asas bagi kewujudannya adalah al-Tamyiz atau sifat mumayyiz yang dimiliki oleh seseorang.

Sebagai contoh, seseorang yang telah menunaikan solat fardu subuh dengan sempurna akan dianggap telah melaksanakan salah satu tanggungjawab agamanya yang diambil kira oleh syarak. Sebaliknya, jika dia melakukan jenayah dia akan berhadapan dengan hukuman yang ditentukan sama ada hukuman fizikal mahupun kebendaan.

Di samping itu, kedua-dua Ahliyyah al-Wujub dan Ahliyyah al-Ada' masing-masing terbahagi kepada dua, iaitu:

- i) Naqisah (tidak sempurna); dan
- ii) Kamilah (sempurna).

Bagi memastikan anda dapat memahami konsep kedua-dua jenis Ahliyyah serta pengaruhnya kepada penentuan hukum syarak, perbincangan mengenainya akan dikaitkan dengan Adwar al-Ahliyyah iaitu peringkat-peringkat kehidupan individu yang berhubungan dengan konsep Ahliyyah.

Adwar al-Ahliyyah boleh dibahagikan kepada empat peringkat seperti berikut:

- i) Peringkat Janin
- ii) Peringkat Kanak-Kanak
- iii) Peringkat Mumayyiz
- iv) Peringkat Baligh sehingga ke Akhir Hayat

i) Peringkat Janin

Di peringkat ini, Ahliyyah al-Wujub memang wujud kerana asas kewujudannya adalah nyawa. Akan tetapi, status Ahliyyah al-Wujub pada peringkat ini adalah kurang sempurna atau naqisah. Ini kerana sekalipun janin tersebut dianggap memiliki nyawa iaitu setelah kandungannya berusia empat bulan, namun kesinambungan nyawanya masih belum pasti lantaran masih belum dilahirkan.

Justeru itu, para ulama' menegaskan bahawa janin berhak mendapat sebahagian hak yang menguntungkannya dan tidak memerlukan kepada persetujuan secara langsung seperti hak mewarisi pusaka, mendapat wasiat dan menerima harta wakaf. Namun demikian, kesemua hak-hak ini hanya akan menjadi milik janin jika dia selamat dilahirkan oleh ibunya.

Manakala hak yang memerlukan kepada persetujuan penerimaan seperti transaksi jual beli misalnya tidak dimiliki oleh janin. Alasannya ialah kerana hak-hak tersebut boleh memberikan kesan kepada janin dan individu lain sedangkan dia tidak diwajibkan untuk menanggung sebarang tanggungjawab terhadap orang lain. Selain itu, dia juga tidak mampu mengungkapkan sebarang persetujuan dalam transaksi yang berkemungkinan memudaratkan kepentingannya sendiri.

Sebagai contoh, semua transaksi jual beli, pemberian hibah atau sedekah yang melibatkan harta seorang janin yang mana dilakukan oleh walinya adalah dianggap batal kerana persetujuan daripadanya tidak dapat diperoleh sedangkan transaksi yang sedemikian mungkin boleh menyebabkan kerugian kepada dirinya.

Antara alasan yang menyebabkan status Ahliyyah al-Wujub bagi janin dianggap kurang sempurna ialah kerana penilaian terhadapnya dibuat berdasarkan dua perspektif. Pertama, jika dinilai dari sudut kebergantungan janin kepada ibu yang sedang mengandungkannya maka dia tidak dianggap sebagai satu entiti tersendiri. Lantaran itu, zhimmahnya belum sempurna untuk melayakkannya menerima apa-apa hak atau melaksanakan pelbagai tuntutan dalam agama.

Namun, jika dinilai menurut perspektif yang kedua, janin boleh dianggap sebagai entiti yang hidup secara berasingan sekalipun masih berada dalam kandungan ibunya kerana dia sudah memiliki nyawa yang ditiupkan oleh Allah SWT sejak usianya mencecah empat bulan menurut jumhur ulama'.

Oleh itu, janin dianggap memiliki Ahliyyah al-Wujub tetapi dalam bentuk yang kurang sempurna. Ahliyyah ini melayakkannya untuk menerima sebahagian hak yang tidak memerlukan persetujuan penerimaan dan tidak memudaratkannya.

Dari sudut Ahliyyah al-Ada' pula, para ulama' menegaskan bahawa janin tidak memilikinya. Ini kerana asas kepada kewujudan jenis Ahliyyah ini adalah tamyiz sedangkan janin masih belum mencapai peringkat mumayyiz bahkan masih belum dilahirkan.

ii) Peringkat Kanak-Kanak

Peringkat ini merujuk kepada waktu janin selamat dilahirkan dan membesar sebagai kanak-kanak sehingga sebelum mumayyiz. Jika ditinjau dari sudut Ahliyyah al-Wujub, ia sememangnya wujud pada setiap diri kanak-kanak secara sempurna kerana dia telah bernyawa dan mampu hidup seperti insan normal. Justeru itu, dia berhak mendapatkan hak-hak yang diperuntukkan baginya serta melunaskan sebahagian tanggungjawab yang dikenakan ke atas dirinya.

Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak terlibat dalam hal yang berkaitan dengan hak sesama hamba seperti dia merosakkan barangan bukan miliknya atau melantik seseorang untuk melakukan kerjanya maka dia berkewajipan untuk membayar ganti rugi terhadap barangan tersebut dan melunaskan upah kepada pekerja yang telah dilantik. Namun demikian, pembayaran ini hanya boleh dilakukan oleh walinya bagi mengelakkan penipuan terhadap kanak-kanak tersebut.

Jika kanak-kanak terbabit melakukan jenayah seperti pembunuhan, dia juga tidak boleh dihukum dengan hukuman qisas. Ini kerana kanak-kanak tidak boleh dianggap sebagai seorang penjenayah yang mempunyai motif memandangkan dia belum mampu berfikir secara waras. Dalam hal ini juga, walinya tidak boleh menjadi wakil untuk menerima hukuman qisas bagi pihaknya kerana sesuatu jenayah tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas individu lain yang tidak bersalah. Justeru itu, pelaksanaan qisas terpaksa diganti dengan ganti rugi iaitu bayaran diyat yang mana diberikan kepada keluarga si mati oleh pihak kanak-kanak terbabit.

Keadaan yang hampir sama juga dapat diperhatikan dalam kes kanak-kanak yang terlibat dengan hak-hak Allah SWT. Sebagai contoh, kanak-kanak tidak diwajibkan untuk beriman atau melakukan ibadah khusus memandangkan dia belum baligh atau layak untuk dibebankan dengan tanggungjawab agama. Dia juga tidak akan dikenakan hukuman hudud sekalipun dia telah melakukan kesalahan tersebut kerana pada hakikatnya dia masih tidak memahami kesalahannya sedangkan hukuman tersebut juga tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas orang lain.

Manakala dari sudut Ahliyyah al-Ada' pula, ia sememangnya tidak wujud pada diri kanak-kanak kerana dia belum mencapai umur tamyiz serta masih tidak mampu membezakan antara perkara yang baik atau sebaliknya.

Justeru itu, dia tidak boleh dituntut dalam melaksanakan sesuatu perkara melainkan dalam sesetengah hak berkaitan Ahliyyah al-Wujub yang mana boleh diwakili oleh walinya secara sah. Sebaliknya, semua tindakan kanak-kanak yang dikaitkan dengan Ahliyyah al-Ada' seperti persetujuannya dalam melakukan transaksi jual beli adalah terbatal sama sekali.

iii) Peringkat Mumayyiz

Peringkat ini bermula apabila seorang kanak-kanak mencapai umur tamyiz di mana dia sudah mampu membezakan di antara perkara yang baik atau sebaliknya. Justeru itu, Ahliyyah al-Wujub dianggap telah wujud secara sempurna pada setiap mumayyiz kerana

dia sememangnya bernyawa. Natijahnya, dia berhak mendapatkan hak-hak yang diperuntukkan baginya serta melunaskan sesetengah tanggungjawab yang turut dikenakan ke atas dirinya.

Manakala Ahliyyah al-Ada pada peringkat ini sebenarnya telah wujud namun dalam bentuk yang kurang sempurna memandangkan kemampuan berfikir yang dimiliki olehnya masih lagi terhad. Oleh yang demikian, kesemua tanggungjawab agama seperti keimanan dan ibadah fizikal yang dilaksanakan olehnya dianggap sah kerana ia memberikan kebaikan sejati kepada dirinya. Manakala mengenai tindakan mumayyiz yang berkaitan dengan harta, ia dijelaskan oleh para ulama' seperti berikut:

Pertama, bagi tindakannya yang boleh memberikan kebaikan sejati kepada dirinya seperti persetujuannya untuk menerima hibah, sedekah dan wasiat maka hukumnya adalah sah sekalipun ia dilakukan tanpa keizinan wali atau penjaga.

Kedua, tindakannya yang boleh memberikan kesan mudarat yang besar kepada dirinya seperti persetujuannya untuk menghadiahkan sesuatu atau mewakafkannya kepada orang lain maka hukum bagi tindakan ini adalah terbatal secara automatik. Ini kerana tindakan ini boleh dianggap sebagai suatu penganiayaan ke atas dirinya kerana dia melakukan sesuatu perkara yang merugikan diri sendiri tanpa dapat memahami kesannya secara jelas. Pembatalan terhadap tindakan mumayyiz yang sebegini adalah tetap diambil sekalipun wali dan penjaganya telah membenarkannya. Alasannya kerana kedua-dua mereka bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan mumayyiz yang berada di bawah jagaannya sedangkan tindakan sebegini telah menyimpang dari matlamat tersebut.

Ketiga, tindakan mumayyiz yang mempunyai risiko yang seimbang iaitu sama ada ia memberikan kesan baik atau buruk kepada dirinya seperti tindakannya dalam jual beli, sewaan dan kesemua transaksi muamalat maka hukumnya adalah bergantung kepada keizinan walinya. Ini kerana hal-hal yang sedemikian memerlukan campur tangan daripada individu yang telah baligh agar mumayyiz yang terlibat akan memperoleh keuntungan dan bukannya kerugian di sebalik transaksi yang dibuat.

iv) Peringkat Baligh sehingga ke Akhir Hayat

Pada peringkat ini, individu yang terlibat dikenali sebagai mukallaf. Oleh itu, dia dianggap memiliki Ahliyyah al-Wujub serta Ahliyyah al-Ada' yang sempurna. Alasannya, kerana seorang mukallaf adalah insan bernyawa dan memiliki kemampuan berfikir yang sempurna. Oleh yang demikian, dari sudut Ahliyyah al-Wujub, dia berhak mendapat kesemua hak yang menjadi miliknya serta wajib melunaskan tanggungjawab yang dikenakan ke atas dirinya.

Manakala dari sudut Ahliyyah al-Ada' pula, dia layak untuk dibebankan dengan perlaksanaan segala tanggungjawab agama. Selain itu, syarak juga menegaskan bahawa segala tindakan dan persetujuan akan diambil kira dan memberikan kesan kepada kesemua transaksi dan akad tanpa bergantung kepada keizinan mana-mana pihak.

Jika dia melakukan jenayah dan disahkan bersalah, maka dia layak dikenakan hukuman yang sepatutnya kerana dia telah melakukannya secara waras.

Berikut adalah ringkasan peringkat kehidupan manusia dan hubungannya dengan al-Ahliyyah:

Peringkat	Ahliyyah al-Wujub	Ahliyyah al-Ada'
Janin	Ada (tidak sempurna)	Tiada
Kanak-Kanak	Ada (sempurna)	Tiada
Mumayyiz	Ada (sempurna)	Ada (tidak sempurna)
Baligh sehingga ke Akhir Hayat	Ada (sempurna)	Ada (sempurna)

'Awarid Al-Ahliyyah

Seperti yang diterangkan sebelum ini, Ahliyyah terbahagi kepada dua iaitu Ahliyyah al-Wujub dan Ahliyyah al-Ada'. Kedua-dua Ahliyyah ini boleh bersifat kurang sempurna dengan ukuran sejauhmana wujudnya asas bagi kedua-dua bentuk Ahliyyah tersebut.

Bagi Ahliyyah al-Wujub, kewujudannya adalah berasaskan kepada kewujudan nyawa manakala Ahliyyah al-Ada' pula berasaskan kepada kewujudan akal. Justeru itu, apabila asas bagi sesuatu Ahliyyah telah benar-benar wujud maka sifat Ahliyyah terbabit dianggap sempurna dan semua hak dan tanggungjawab agama yang disabitkan dengannya perlu dilaksanakan dan diambil kira.

Namun demikian, tahukah anda bahawa Ahliyyah yang telah bersifat sempurna masih boleh terhalang sehingga menyebabkan individu terlibat tidak lagi berhak ke atas haknya atau layak dibebankan dengan tanggungjawab agama. Dalam hal ini, halangan yang dimaksudkan dikenali sebagai 'Awarid dan ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu 'Awarid Samawiyyah dan 'Awarid Muktasabah.

- a) 'Awarid Samawiyyah
- b) 'Awarid Muktasabah

a) 'Awarid Samawiyyah

'Awarid Samawiyyah boleh diertikan sebagai halangan terhadap Ahliyyah yang berlaku secara semula jadi dan tidak mampu dipengaruhi oleh manusia.

Justeru itu, para ulama' mengklasifikasikan 'Awarid ini sebagai samawiyyah yang bermaksud halangan yang ditetapkan oleh "kuasa daripada langit" iaitu Allah SWT. Menurut para ulama', 'Awarid jenis ini dapat dibahagikan kepada tujuh seperti berikut:

- i) Gila (Junun)
- ii) Kebodohan Semulajadi ('Atah)
- iii) Terlupa (Nisyan)

- iv) Tertidur (Nawm)
- v) Pengsan (Ighma')
- vi) Sakit (Maradh)
- vii) Kematian (Mawt)

i) Gila (Junun)

Kewujudannya tidak akan menafikan Ahliyyah al-Wujub kerana setiap pesakit gila sememangnya mash memiliki nyawa yang merupakan asas kepada kewujudan jenis Ahliyyah di atas. Sebaliknya, Ahliyyah al-Ada' langsung tidak wujud pada diri pesakit gila kerana hilangnya kewarasan.

Justeru itu, para ulama' menegaskan bahawa pesakit gila yang berpanjangan tidak diwajibkan untuk menunaikan ibadah khusus dan tidak pula perlu menqada'nya memandangkan ia akan mengundang kesulitan kepada dirinya.

Manakala mengenai tindakan yang dilakukan oleh pesakit gila dalam pengurusan hariannya terutama sekali yang melibatkan harta, maka hukumnya adalah terbatal sekalipun ia secara zahir dilihat memberikan manfaat kepada dirinya. Ini kerana kesahihan sesuatu tindakan yang melibatkan harta adalah berasaskan kepada kewarasan akal sedangkan pesakit gila langsung tidak memilikinya.

ii) Kebodohan Semulajadi ('Atah)

Ia adalah kebodohan semula jadi yang menyebabkan seseorang kurang memahami sesuatu perkara, bercakap tanpa fokus dan gagal menguruskan sesuatu. 'Atah tidak menafikan kewujudan Ahliyyah al-Wujub. Manakala Ahliyyah al-Ada' pada penghidap 'atah dilihat kepada jenis 'atah yang menyimpannya. Jika 'atah yang menyimpannya bersifat menyamai penyakit gila sehingga menyebabkan hilangnya kewarasan akal, maka ia tentunya akan menafikan kewujudan Ahliyyah al-Ada'. Namun begitu, jika 'atah tersebut hanya bersifat separa di mana dia masih memiliki sebahagian kewarasan maka hukum dirinya boleh disamakan seperti seorang kanak-kanak mumayyiz yang memiliki Ahliyyah al-Ada' yang tidak sempurna.

Justeru itu, dia tidak diwajibkan untuk menunaikan ibadah dan tidak akan dikenakan hukuman berbentuk penyeksaan fizikal jika dia melakukan jenayah. Sebaliknya, dia akan dikenakan bayaran ganti rugi jika dia merosakkan harta orang lain dan pembayarannya diuruskan oleh walinya.

iii) Terlupa (Nisyan)

Tidak akan menafikan kewujudan kedua-dua Ahliyyah al-Wujub dan al-Ada'. Ini memandangkan individu yang terlupa pada hakikatnya tetap bernyawa dan masih memiliki fikiran yang waras. Justeru itu, seseorang yang terlupa tidak boleh menjadikannya alasan untuk mengelakkan diri daripada bertanggungjawab terhadap kesalahan merosakkan harta dan hak milik orang lain. Namun demikian, sifat terlupa yang berlaku dalam perkara yang melibatkan hak Allah SWT dianggap sebagai keuzuran sehingga mengecualikan pelakunya daripada dosa.

Sebagai contoh, seseorang yang berpuasa lalu makan dalam keadaan terlupa dianggap sebagai tidak berdosa - bahkan puasanya tetap dianggap sah.

tertidur dan pengsan sehingga luput waktu menunaikan sesuatu ibadat tidaklah dianggap berdosa, namun ia perlu diqadakan sebaik mereka sedar.

iv) Tertidur (Nawm) dan Pengsan (Ighma')

Kedua-duanya hanya menafikan kewujudan Ahliyyah al-Ada' kerana individu yang berada dalam keadaan tersebut tidak memiliki kewarasan akal. Justeru itu, segala perkataan yang keluar daripada mulut individu yang berada dalam dua keadaan tersebut tidak boleh diambil kira. Akan tetapi, perbuatan yang dilakukan oleh beliau yang mengakibatkan kecedaraan kepada individu lain tetap diambil kira dan dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Namun begitu, hukuman yang dimaksudkan adalah berbentuk bayaran diyat dan bukannya penyeksaan fizikal. Sebagai contoh, jika seseorang tidur di atas sofa lalu dia jatuh menghempap rakannya sehingga menyebabkan kematian, hukumannya adalah bayaran diyat kepada ahli waris si mati. Dengan kata lain, dia tidak berdepan dengan hukuman qisas disebabkan kejadian itu berlaku secara luar kawalan dan tanpa motif.

Walau bagaimanapun, pihak mahkamah sebenarnya masih boleh mengenakan hukuman berbentuk takzir ke atas dirinya dengan alasan kecuai. Jika dibincang dalam konteks ibadah khusus pula, individu yang tertidur dan pengsan sehingga habis waktu menunaikan sesuatu ibadah tidaklah dianggap berdosa, namun ia perlu diqadakan sebaik mereka sedar.

v) Sakit (Maradh)

Para ulama' menegaskan bahawa ia tidak akan menafikan kewujudan kedua-dua Ahliyyah al-Wujub dan Ahliyyah al-Ada' memandangkan individu yang sakit masih bernyawa dan berfikiran waras. Walau bagaimanapun, Islam turut memberikan keringanan kepada pesakit dalam melakukan sesetengah ibadah. Sebagai contoh, seorang pesakit yang lumpuh diberikan kelonggaran untuk melakukan solat fardu secara duduk atau baring sekalipun syarat sahnya adalah berdiri.

Di samping itu, Islam turut menegaskan tindakan seseorang pesakit kritikal dalam menguruskan hartanya adakalanya boleh disekat apabila ia mungkin menafikan hak orang lain. Sebagai contoh, seorang pesakit kritikal tidak dibenarkan untuk menghadiahkan hartanya kepada individu bukan waris secara sewenang-wenangnya, bahkan harta yang telah diserahkan boleh ditarik balik setelah kematiannya.

Larangan ini sebenarnya bertujuan menjaga kepentingan ahli waris agar tidak diketepikan daripada menerima harta pusaka, di samping menjamin hak pemiutang untuk mendapatkan balik hutang daripada si mati sekiranya ada. Antara contoh lain mengenai tindakan pesakit kritikal yang boleh disekat ialah tindakan menceraikan isteri secara talaq ba'in.

vi) Kematian (Mawt)

la adalah 'Awarid Samawiyyah yang terakhir. la akan menafikan kewujudan Ahliyyah al-Wujub dan Ahliyyah al-Ada'. Justeru itu, segala hak dan tanggungjawab yang ditanggung oleh si mati sewaktu hayatnya, gugur selagi mana ia tidak melibatkan hak-hak orang lain, contohnya hutang. Oleh yang demikian, jika dia meninggal dunia sebelum sempat hutangnya dilunaskan maka pembayarannya wajib diambil daripada harta pusakanya. Jika harta yang ditinggalkan olehnya tidak mencukupi, maka waris terdekat akan menanggung pembayaran baki hutang tersebut bagi menjamin kepentingan dan hak pemiutang.

Di samping itu, para ulama' juga menegaskan bahawa hutang Allah SWT yang tidak sempat dilunaskan oleh si mati sedangkan dia berkemampuan sewaktu hidupnya seperti zakat dan haji, maka ahli warisnya boleh melunaskan bagi pihak beliau.

b) 'Awarid Muktasabah

'Awarid Muktasabah pula boleh ditakrifkan sebagai halangan terhadap Ahliyyah yang berlaku akibat Tindakan manusia sendiri.

Sehubungan dengan itu, 'Awarid jenis ini dibahagikan kepada enam seperti berikut:

- i) Kejahilan (Jahl)
- ii) Tersilap (Khata')
- iii) Kebodohan dalam Menguruskan Harta (Safh)
- iv) Kemabukan (Sakr)
- v) Sikap Bermain-Main (Habl)
- vi) Paksaan (Ikrah)

i) Kejahilan

la tidak menafikan kewujudan kedua-dua jenis Ahliyyah namun, ia boleh dianggap sebagai keuzuran dalam sesetengah keadaan.

Sebagai contoh, seorang yang baru memeluk Islam yang menetap di negara yang anti Islam telah meminum arak, lalu dia mendakwa tidak tahu dan jahil mengenai pengharamannya. Dalam situasi ini, dakwaan kejahilannya tentang pengharaman arak boleh diterima. Dia tidak dianggap berdosa serta tidak dikenakan hukuman hudud kerana dia menetap di negara yang asing daripada pengaruh Islam dan kemungkinan sampainya ilmu mengenai hukum-hukum Islam adalah tipis

Namun demikian, sekiranya dakwaan yang sama dikemukakan oleh seorang Muslim yang menetap di negara Islam maka ia tidak boleh diterima bahkan hukuman hudud tetap dikenakan. Ini adalah berdasarkan prinsip fiqh yang utama iaitu: "Tidak diterima dakwaan jahil (daripada seseorang Muslim terhadap hukum-hukum Islam yang jelas) jika dia berada di negara Islam".

ii) Tersilap (Khata')

Boleh ditafsirkan sebagai perbuatan tidak sengaja dan ia juga tidak menafikan Ahliyyah al-Wujub mahupun Ahliyyah al-Ada'. Alasannya kerana setiap individu yang tersilap masih

memiliki kewarasan akal sekalipun dia tidak sadar ketika melakukan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, Islam tetap menghukumkan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh seseorang dalam perkara berkaitan hak Allah SWT tetap dikira sebagai keuzuran yang mengecualikannya daripada dosa.

Antara kesilapan yang dimaksudkan seperti kesalahan seorang mufti dalam memutuskan hukum, kesilapan dalam menentukan arah kiblat dan kesilapan menilai syubhah dalam menentukan perlaksanaan hukuman hudud. Kesilapan dalam menangani hak-hak hamba juga turut dianggap sebagai keuzuran yang dapat mengecualikan hukuman sebenar dan dosa kepada pelakunya.

Sebagai contoh, seseorang yang tersilap menembak ke arah individu lain sehingga menyebabkannya mati, tidak dikenakan hukuman sebenar akibat pembunuhan iaitu qisas. Sebaliknya, dia hanya diwajibkan membayar diyat kepada ahli waris si mati. Keadaan yang sama berlaku apabila seseorang melakukan kesilapan sehingga merosakkan harta milik orang lain di mana dia tidak dianggap berdosa tetapi sebaliknya dia diwajibkan membayar ganti rugi terhadap kerosakan tersebut.

iii) Kebodohan dalam Menguruskan Harta (Safh)

Boleh ditakrifkan sebagai kebodohan dalam pengurusan harta sehingga ia dibelanjakan secara boros dan bercanggah dengan batas syarak serta logik akal sedangkan pelakunya memiliki akal yang waras. Sama seperti *hazl*, *safh* tidak menafikan kewujudan kedua-dua jenis Ahliyyah, namun ia masih boleh memberikan kesan kepada sesetengah hukum. Sebagai contoh, hakim boleh menjatuhkan hukuman berbentuk larangan ke atas kanak-kanak dan individu mukallaf daripada menguruskan harta masing-masing akibat *safh* kerana tindakan berbelanja mereka boleh memberikan mudarat sama ada kepada diri sendiri atau individu yang berada di bawah tanggungan.

iv) Kemabukan (Sakr)

Boleh ditafsirkan sebagai kemabukan yang diakibatkan oleh tindakan meminum arak atau seumpamanya sehingga menyebabkan pelakunya tidak sadar apa yang dilakukan olehnya ketika mabuk. Daripada tafsiran ini, kita boleh katakan bahawa kemabukan boleh menafikan kewujudan Ahliyyah al-Ada' kerana asas kepada kewujudannya iaitu kewarasan akal sudah hilang.

Walaupun bagaimanapun, para ulama' memperincikan lagi persoalan ini di mana mereka menegaskan kemabukan yang boleh menafikan Ahliyyah al-Ada' sehingga mengecualikan dosa kepada pelakunya adalah khusus kepada kemabukan yang berlaku secara tidak sengaja.

Sebagai contoh, jika seseorang individu memakan sejenis ubat kerana demam atau dipaksa meminum arak sehingga menyebabkannya mabuk maka hukumannya dibaratkan seperti seseorang yang pengsan. Ini bermakna, jika dia meninggalkan solat fardu ketika berada dalam keadaan mabuk maka dia tidak dianggap berdosa dan diwajibkan mengada solat tersebut sebaik sahaja sadar daripada kemabukannya.

Walau bagaimanapun, jika dia merosakkan harta milik orang lain ketika mabuk maka dia tetap perlu membayar ganti rugi terhadapnya. Jika dia melakukan jenayah pula seperti pembunuhan, maka dia akan dikecualikan daripada hukuman qisas tetapi perlu membayar diyat sebagai ganti.

v) Sikap Bermain-main (Hazl)

Boleh ditafsirkan sebagai sikap bermain-main atau bergurau dalam kata-kata di mana pelakunya menuturkan sesuatu perkataan dengan maksud gurauan. Dengan lain perkataan, seseorang yang bergurau menuturkan sesuatu dalam keadaan waras dan rela tetapi dia pada hakikatnya tidak menginginkan perkara yang dituturkan olehnya berlaku.

Dalam keadaan ini, hazl tidak menafikan kewujudan Ahliyyah al-Wujub dan Ahliyyah al-Ada', namun ia masih memberikan kesan dalam sesetengah hukum. Ini kerana perkataan seseorang boleh dibahagikan kepada tiga iaitu ikhbarat, i'tiqadat dan insya'at.

Ikhbarat bermaksud kata-kata yang bersifat pengakuan terhadap kebenaran sesuatu perkara yang diceritakan seperti pengakuan memiliki harta tertentu. Justeru itu, jika ikhbarat diceritakan secara gurauan atau hazl maka ia pastinya tidak boleh diterima dan dianggap sebagai kata-kata bohong.

I'tiqadat pula bermaksud kata-kata yang berkaitan dengan akidah seseorang. Hazl dalam keadaan ini juga boleh memberikan kesan di mana jika seseorang bergurau bahawa dia telah keluar daripada Islam, maka dia sememangnya dianggap sebagai murtad.

Mengenai maksud insya'at pula ialah kata-kata berkaitan akad yang boleh memberikan kesan hukum seperti dalam kes jual beli, sewaan, perkahwinan dan sebagainya. Ia terbahagi kepada dua iaitu pertama, kes di mana hazl atau gurauan tetap dianggap sebagai benar seperti dalam perkahwinan, perceraian dan rujuk. Kedua, kes di mana hazl akan membatalkan hukum seperti dalam transaksi jual beli, sewaan dan kesemua transaksi lain yang boleh ditarik balik jika berlaku ketidakpuasan hati.

vi) Paksaan (Ikrah)

Boleh ditafsirkan sebagai tindakan memaksa seseorang individu untuk melakukan perkara yang tidak diinginkan dengan cara memberikan ancaman bunuh kepadanya atau ancaman untuk mengenakan seksaan fizikal yang teruk. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu paksaan boleh dianggap sebagai ikrah yang menjadi 'Awarid kepada Ahliyyah.

Antara syarat tersebut ialah pemaksa mestilah merupakan seseorang yang mampu merealisasikan ancaman yang dijanjikan, individu yang dipaksa merasa benar-benar takut serta yakin ancaman tersebut akan berlaku dan ancaman berkenaan mestilah melibatkan nyawa atau kecederaan parah kepada fizikal pihak yang dipaksa. Ikrah sebenarnya tidak menafikan kewujudan kedua-dua jenis Ahliyyah kerana setiap individu yang dipaksa masih bernyawa dan berfikiran waras. Namun demikian, para ulama' menegaskan bahawa terdapat tiga jenis tindakan yang dilakukan oleh pihak yang dipaksa yang boleh memberikan kesan kepada penentuan hukum seperti berikut:

Pertama, jika seseorang dipaksa supaya meminum arak atau memakan bangkai maka dia wajib melakukannya demi menyelamatkan nyawa serta tidak dianggap berdosa.

Kedua, jika dia dipaksa mengaku murtad sedangkan hatinya masih kuat beriman maka hukum mengaku murtad dalam situasi ini adalah harus sekalipun mengikut hukum yang diutamakan, dia sepatutnya berani dan tidak membuat pengakuan murtad.

Ketiga, jika dia dipaksa melakukan sesuatu kemudaratan yang sama atau lebih berat berbanding ancaman yang dikemukakan seperti pembunuhan atau perzinaan, maka hukumnya haram dilakukan. Alasannya ialah kerana kemudaratan yang terhasil tetap sama bahkan mungkin menjadi lebih teruk sedangkan Islam menegaskan bahawa setiap Muslim tidak boleh mengorbankan individu lain demi untuk menyelamatkan nyawa sendiri.

Di samping itu, jika tindakan individu yang dipaksa melibatkan hal-hal berkaitan transaksi dan akad seperti dia dipaksa menyatakan persetujuan untuk menjual atau membeli sesuatu barangan maka hukumnya adalah batal. Alasannya, kerana persetujuan dalam transaksi atau akad mesti dilakukan dengan kerelaan sendiri sedangkan individu yang dipaksa tidak memilikinya.

Kesan Halangan ('Awarid) terhadap Ahliyyah dalam Hukum Syara'

Perbincangan mengenai kesan 'Awarid terhadap Ahliyyah dalam hukum syarak sebenarnya telah disentuh secara tidak langsung dalam setiap perbincangan mengenai jenis-jenis 'Awarid sebelum ini. Namun demikian, bagi menjelaskan lagi perbincangan mengenai hal ini, para ulama' ada membahagikan kesan 'Awarid kepada Ahliyyah dan hukum syarak dalam dua bidang utama iaitu ibadah dan muamalat.

a) Bidang Ibadah

Dalam bidang ibadah, kebanyakan 'Awarid terutamanya seperti gila (*junun*), kebodohan semula jadi ('*atah*'), terlupa (*nisyan*), tertidur (*nawm*), pengsan (*ighma'*) sakit (*maradh*), kematian (*mawt*), tersilap (*khata'*) dan lain-lain boleh memberi kesan kepada Ahliyyah.

Sebagai contoh, ibadah khusus seperti solat fardu tidak lagi diwajibkan ke atas pesakit gila dan 'atah memandangkan mereka tidak memiliki kewarasan akal yang menjadi asas kepada Ahliyyah al-Ada'. Individu yang tertidur atau pengsan juga turut diberikan keringanan. Mereka dikecualikan daripada dosa jika meninggalkan solat ketika berada dalam situasi tersebut; namun, hukum mengqada'kannya kekal wajib ke atas mereka setelah tersedar daripada tidur atau pengsan. Keadaan terlupa, sekalipun tidak menafikan kewujudan kedua-dua jenis Ahliyyah, namun ia masih dianggap sebagai keuzuran dalam melakukan ibadat sehingga mengecualikan dosa pelakunya.

Sebagai contoh, individu yang terlupa menunaikan solat sehingga habis waktu tidak dianggap berdosa tetapi tetap diwajibkan menunaikannya sebaik sahaja tersedar dari lupa. Keuzuran yang hampir sama turut diberikan dalam kes sakit (*maradh*) di mana pesakit dibenarkan untuk melakukan ibadah mengikut keupayaan sebenar dirinya. Sebagai contoh, dia dibenarkan melakukan jamak dalam solat dan duduk atau berbaring apabila tidak mampu berdiri.

b) Bidang Muamalat

Manakala dalam bidang muamalat, pelbagai 'Awarid juga turut memberikan kesan kepada Ahliyyah dan hukum-hukum syarak dalam banyak kes.

Sebagai contoh, ucapan atau tindakan pesakit gila tidak boleh diambil kira sekalipun ia dianggap memberikan faedah mutlak kepada dirinya. Alasannya ialah kerana gila merupakan salah satu 'Awarid yang menafikan kewujudan Ahliyyah al-Ada' yang berasaskan kewujudan akal yang waras.

Selain itu, sakit (*maradh*) juga merupakan 'Awarid yang sering memberi kesan kepada sesetengah hukum syarak sekalipun ia pada hakikatnya tidak menafikan kewujudan kedua-dua jenis Ahliyyah. Sebagai contoh, tindakan pesakit kronik yang menceraikan isterinya secara ba'in atau menghadihkan sejumlah besar hartanya kepada individu bukan waris, boleh dibatalkan dengan arahan mahkamah sekiranya dia meninggal dunia akibat penyakit tersebut. Alasannya ialah kerana tindakannya bermotif jahat kerana ditafsirkan cuba menafikan hak orang lain yang berhak ke atas hartanya seperti ahli waris dan isterinya.

Antara contoh 'Awarid lain pula ialah seperti gurauan (*hazl*) di mana ia juga boleh memberikan kesan kepada hukum sekalipun ia juga tidak menafikan kedua-dua jenis Ahliyyah. Sebagai contoh, gurauan yang diucapkan dalam bentuk akad perkahwinan atau perceraian tetap dianggap sebagai ucapan sebenar sehingga menyebabkan perkahwinan berlaku atau pasangan bercerai.

Jika dilihat dalam konteks jenayah pula seperti pembunuhan atau kerosakan yang dilakukan oleh sesetengah individu yang mengalami 'Awarid, hukum-hukumnya juga turut dibezakan daripada hukum jenayah yang dilakukan oleh mukalaf yang normal. Sebagai contoh, pesakit gila yang melakukan pembunuhan tidak akan berdepan dengan hukuman qisas memandangkan ia dilakukan tanpa kewarasan akal. Namun demikian, dia dikenakan hukuman untuk membayar diyat kepada keluarga si mati sebagai ganti rugi di mana pembayarannya diuruskan oleh wali.

Pembayaran ganti rugi juga turut dikenakan ke atas dirinya jika dia merosakkan harta orang lain sekalipun kerosakan tersebut dilakukan tanpa kewarasan akal. Alasan mengapa hukuman ini tetap dikenakan ialah untuk menjaga kehormatan harta benda yang dimiliki secara sah oleh mana-mana individu seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Antara senarai rujukan termasuklah:

1. Abd al-Wahab Khallaf (1981). *'Ilm Usul al-Fiqh*. Kuwait; Dar al-Qalam
2. Wahbah al-Zuhayli (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*, cet. 2. Damsyik: Dar al-Fikr
3. Abd al-Karim al-Zaydan (1994). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah